

## RESEARCH ARTICLE

# TADBIR URUS WAKAF DI PAHANG: POTENSI DAN CABARAN

## (Waqf Governance in Pahang: Potential and Challenges)

Marina Abu Bakar<sup>1</sup>, Shofian Ahmad<sup>2</sup>, Ahmad Dahlan Salleh<sup>2</sup>, Mohd Fairuz Md Salleh<sup>3</sup>, Nur Mahirah Zainudin<sup>4</sup>

<sup>1</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Perlis, 02600 Arau, Perlis, Malaysia

<sup>2</sup>Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

<sup>3</sup>Sekolah Pengajian Siswazah Perniagaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

<sup>4</sup>Bahagian Pengurusan dan Pembangunan Harta, Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang, 26600 Pekan, Pahang, Malaysia

**ABSTRACT** - *Waqf is an Islamic economic instrument with great potential in the socio-economic development of the Muslim community. In Malaysia, the management of waqf falls under the jurisdiction of the State Islamic Religious Councils (SIRCs), including in the state of Pahang, which is managed by the Pahang Islamic Religious and Malay Customs Council (MUIP). Despite various efforts to strengthen waqf institutions, issues such as transparency, administrative efficiency, limited human resources, and imbalanced development of waqf assets remain significant challenges. Therefore, this study was conducted to explore waqf governance in Pahang, managed by MUIP. The main focus of the study is to identify the potentials that can be harnessed through systematic waqf management and the challenges faced in ensuring the effectiveness and sustainability of waqf in Pahang. This study adopts a qualitative approach through interviews and document analysis. The collected data were analyzed using thematic analysis. The findings reveal that MUIP has integrated the functions of waqf, baitulmal, and investment within a single administration to strengthen financial resources and waqf asset management. Among the main potentials identified are the use of online system technology for cash waqf collection, user-friendly approaches, flexible governance structures and the establishment of the Pahang Waqf Enactment 2022 (Enactment 29). However, several challenges persist, including a lack of skilled human resources, limited funding, legal constraints, and difficulties in developing non-strategic waqf lands. Therefore, it is essential to strengthen the institutional capacity of waqf, implement waqf education among the public and evaluate the effectiveness of existing policies. This study is expected to serve as a reference for policymakers, researchers and practitioners in shaping a sustainable and inclusive waqf governance ecosystem in Malaysia, particularly in the state of Pahang.*

**ABSTRAK** - Wakaf merupakan instrumen ekonomi Islam yang berpotensi besar dalam pembangunan sosioekonomi umat Islam. Di Malaysia, pengurusan wakaf tertakluk di bawah kuasa Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), termasuklah di negeri Pahang yang dikendalikan oleh Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP). Walaupun pelbagai usaha telah dilakukan bagi memperkasakan institusi wakaf, isu ketelusan, kecekapan pentadbiran, kekangan sumber manusia serta ketidakseimbangan pembangunan aset wakaf masih menjadi cabaran utama. Justeru, kajian ini dijalankan untuk meneroka tadbir urus wakaf di Pahang yang diuruskan oleh Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP). Fokus utama kajian adalah untuk mengenal pasti potensi yang boleh dimanfaatkan melalui pengurusan wakaf secara sistematik serta cabaran-cabaran yang dihadapi dalam memastikan keberkesanan dan kelestarian wakaf di Pahang. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui temu bual dan analisis dokumen. Data-data yang diperolehi dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik. Hasil kajian mendapati bahawa MUIP telah mengintegrasikan fungsi wakaf, baitulmal dan pelaburan dalam satu pentadbiran bagi memperkukuh sumber kewangan dan pengurusan aset wakaf. Antara potensi utama yang dikenal pasti ialah penggunaan teknologi sistem dalam talian untuk kutipan wakaf tunai, pendekatan mesra pengguna, struktur tadbir urus yang fleksibel dan penubuhan Enakmen Wakaf Pahang 2022 (Enakmen 29). Namun begitu, beberapa cabaran turut wujud, termasuk kekurangan sumber manusia berkemahiran, keterbatasan dana, kekangan perundangan dan kesukaran membangunkan tanah wakaf yang tidak strategik. Oleh itu, pemerkasaan kapasiti institusi wakaf, pelaksanaan pendidikan wakaf dalam kalangan masyarakat, serta penilaian keberkesanan dasar sedia ada perlu diberi penekanan. Kajian ini diharap dapat menjadi rujukan kepada penggubal dasar, pengkaji dan pengamal dalam membentuk ekosistem pengurusan wakaf yang mampan dan inklusif di Malaysia, khususnya di negeri Pahang.

## ARTICLE HISTORY

Received : 20<sup>th</sup> Sept. 2025  
 Revised : 29<sup>th</sup> Oct. 2025  
 Accepted : 15<sup>th</sup> Nov. 2025  
 Published : 10<sup>th</sup> Dec. 2025

## KEYWORDS

Waqf governance  
 Pahang Islamic Religious and  
 Malay Customs Council (MUIP)  
 Pahang Waqf  
 Potential  
 Challenges

## KATA KUNCI

Tadbir urus wakaf  
 Majlis Ugama Islam dan Adat  
 Resam Melayu Pahang (MUIP)  
 Wakaf Pahang  
 Potensi  
 Cabaran

## PENDAHULUAN

Wakaf merupakan satu instrumen ekonomi Islam yang memainkan peranan penting dalam pembangunan sosioekonomi umat Islam. Ia berfungsi sebagai satu bentuk sedekah jariah yang berterusan manfaatnya, sama ada dalam bentuk tanah, bangunan, wang tunai, saham atau aset lain yang disumbangkan untuk kepentingan masyarakat umum seperti pendidikan, kebajikan, kesihatan dan pembangunan infrastruktur Islam. Di Malaysia, tanggungjawab mengurus dan mentadbir harta wakaf diletakkan di bawah bidang kuasa Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) selaras dengan peruntukan di bawah Senarai II, Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan. Melalui peruntukan ini, perkara wakaf telah disenaraikan bersama perkara mengenai hukum syarak dan undang-undang diri lainnya bagi orang-orang yang beragama Islam seperti mana yang berikut:

*“...hukum syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut agama Islam, termasuk hukum syarak berhubung dengan mewarisi harta berwasiat dan tak berwasiat, pertunangan, perkahwinan, nafkah, pengambilan anak angkat, kesahtarafan, penjagaan anak, pemberian, pembahagian harta dan amanah bukan khairat, wakaf Islam dan takrif serta peraturan mengenai amanah khairat dan khairat agama, pelantikan pemegang-pemegang amanah dan perbadanan bagi orang-orang mengenai pemberian agama Islam dan khairat, institusi, amanah dan institusi khairat....”*

Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) merupakan badan berautoriti yang dipertanggungjawabkan untuk mentadbir segala bentuk wakaf di negeri Pahang. Peruntukan mengenai bidang kuasa ini jelas termaktub dalam Bahagian II (Kuasa-Kuasa Majlis), Enakmen Wakaf Pahang 2022 (Enakmen 29), Perkara 4(1):

*“Walaupun apa pun peruntukan yang berlawanan yang terkandung dalam mana-mana surat cara atau perisytiharan yang mewujudkan, mentadbir atau menyentuh apa-apa wakaf, Majlis hendaklah menjadi pemegang amanah tunggal bagi semua mawquf, yang terletak di dalam Negeri Pahang.”*

Seiring dengan perkembangan semasa, MUIP telah mengambil langkah untuk mengintegrasikan pelbagai sumber dan fungsi utama seperti wakaf, baitulmal dan pelaburan di bawah satu pentadbiran bagi memaksimumkan manfaat wakaf. Walaupun terdapat pelbagai inisiatif dan pembaharuan telah dijalankan, namun isu-isu seperti kekurangan sumber manusia yang berkemahiran, keterbatasan dana serta pembangunan tanah wakaf yang tidak strategik terus menjadi halangan utama dalam mencapai keberkesanan tadbir urus wakaf secara menyeluruh. Justeru, kajian ini dijalankan bagi meneroka bentuk tadbir urus wakaf yang diaplikasikan oleh MUIP, mengenal pasti potensi yang boleh dimanfaatkan, serta mengkaji cabaran yang dihadapi dalam usaha memperkukuh pengurusan dan pembangunan wakaf di Pahang secara berkesan dan mampan.

## SOROTAN LITERATUR

### Wakaf dalam Islam

Perkataan *waqf* dalam Bahasa Arab berasal daripada *waqafa* yang bermaksud menahan sesuatu. Menahan sesuatu yang dimaksudkan di sini ialah menahan sesuatu harta semata-mata kerana Allah untuk kepentingan umum (Al-Ansari, t.th). Terdapat pelbagai definisi wakaf yang telah diutarakan oleh para fuqaha' seperti Al-Qurtubi, Al-Sharbini dan Ibn Abidin. Al-Qurtubi mengatakan bahawa wakaf ialah mengeluarkan harta dan manfaat yang dimiliki ke jalan yang diredhai Allah SWT untuk menghampirkan diri kepada Allah SWT (Al-Qurtubi, 1980). Al-Sharbini pula berpendapat wakaf ialah menahan sesuatu harta atau barangan yang boleh dimanfaatkan dengan syarat kekal fizikalnya mengikut syarat-syarat yang dibenarkan oleh syarak (Al-Sharbini, 1933). Manakala Ibn Abidin menjelaskan wakaf sebagai menahan sesuatu harta di atas ketentuan pemilikannya dan digunakan untuk manfaat umum (Ibn Abidin, 1966). Daripada definisi-definisi wakaf yang telah disebutkan, dapat disimpulkan bahawa harta wakaf dalam Islam mestilah mempunyai tujuh ciri-ciri khusus iaitu; harta yang hendak diwakafkan mestilah jelas pemilikannya, boleh memberi manfaat atau faedah, bukan dari jenis yang diharamkan oleh syarak, bersifat kekal fizikalnya, tidak boleh digunakan selain daripada apa yang disyaratkan, bagi wakaf yang tidak disebut penggunaannya maka ia boleh digunakan sesuai dengan kehendak syarak dan hasil daripada harta wakaf boleh digunakan untuk faedah umum atau khusus. Wakaf juga merupakan ibadat sunat yang sangat digalakkan oleh Islam.

Meskipun al-Qur'an tidak menyebut secara khusus tentang wakaf, namun ia mensyariatkan dan menggalakkan pemberian sedekah. Perintah berkaitan pemberian sedekah ini telah menjadi asas kepada dalil keharusan berwakaf (Ibrahim & Ibrahim, 2013; Ahmad et al., 2015). Antara ayat-ayat al-Qur'an yang menggalakkan amalan bersedekah serta ganjaran besar daripada Allah SWT ialah:

*“Mereka yang membelanjakan harta mereka (di jalan Allah SWT) pada malam dan siang hari, secara sembunyi ataupun terang-terangan, mereka akan mendapat ganjaran di sisi Tuhan mereka; tidak ada ketakutan atas mereka dan mereka tidak akan berdukacita.”*

(Surah Ali 'Imran, ayat 274)

*“Kamu tidak akan sekali-kali mencapai al-birr (kebajikan dan ketaatan, iaitu ganjaran Allah SWT berupa syurga), sehinggalah kamu membelanjakan (di jalan Allah SWT) sebahagian daripada apa yang kamu sayangi; dan apa sahaja kebaikan yang kamu belanjakan, maka sesungguhnya Allah SWT mengetahuinya.”*

(Surah Ali ‘Imran, ayat 92)

*“Sesungguhnya orang-orang lelaki dan perempuan yang bersedekah (zakat dan sedekah), serta memberi pinjaman kepada Allah SWT pinjaman yang baik, akan dilipatgandakan ganjarannya, dan mereka akan memperoleh balasan yang mulia (syurga).”*

(Surah Al-Hadid, ayat 18)

Berdasarkan ayat-ayat al-Qur’an ini, dapat disimpulkan bahawa perkongsian harta melalui amalan sedekah dan pemberian kepada orang lain sangat dianjurkan dalam Islam. Oleh itu, wakaf sebagai suatu bentuk pemberian manfaat yang berkekalan dan berterusan kepada penerima, mewakili instrumen yang paling berkesan untuk mencapai tujuan tersebut. Pensyariatan wakaf, bukan sahaja dapat dirumuskan daripada ayat-ayat al-Qur’an yang menggalakkan sedekah dan pemberian, tetapi turut diperkuatkan oleh beberapa hadis Nabi Muhammad SAW yang memberikan asas yang jelas tentang pensyariatan wakaf (Cizakca, 1998; Babacan, 2011; Ibrahim & Ibrahim, 2013). Salah satu hadis terkenal yang menjadi sandaran ialah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA:

*“Apabila seseorang anak Adam meninggal dunia, maka terputuslah segala amalannya kecuali tiga perkara: sedekah jariah, ilmu yang dimanfaatkan, atau anak soleh yang mendoakannya.”*

(Sunan al-Tirmidhi; Hadis No. 1376)

Menurut hadis ini, istilah “sedekah jariah” merujuk kepada pemberian harta, tanah atau apa-apa milik seseorang untuk kegunaan orang lain tanpa mengharapkan apa-apa balasan. Ia menjadi sedekah yang berterusan dan memberi manfaat berpanjangan kepada penerimanya. Allah SWT akan memberikan ganjaran kepada pemberi kerana sedekah tersebut terus mengalir pahalanya walaupun selepas kematiannya. Harapan untuk memperoleh pahala berterusan inilah yang mendorong umat Islam untuk mewakafkan harta mereka, terutamanya tanah. Semangat dan keyakinan terhadap hadis ini begitu kuat sehingga tiga perempat tanah di Semenanjung Tanah Arab dan wilayah-wilayah lain pernah diwakafkan. Hadis kedua yang menjadi sandaran pensyariatan wakaf ialah peristiwa ‘Umar Ibn al-Khattab RA yang datang kepada Rasulullah SAW dan berkata:

*“Wahai Rasulullah! Aku memperoleh sebidang tanah di Khaibar. Ia adalah harta yang paling aku hargai. Apakah yang tuan sarankan aku lakukan dengannya? Lalu Nabi Muhammad SAW bersabda: “Jika engkau mahu, engkau boleh menjadikannya sebagai habs (diwakafkan), dan mendedekahkan manfaatnya dengan syarat tanah itu tidak dijual, tidak dibeli, tidak dihadiahkan dan tidak diwarisi.”*

(Sahih Muslim, Hadis No. 1633)

‘Umar Ibn al-Khattab RA patuh kepada nasihat tersebut dan mewakafkan tanah itu sebagai sedekah untuk golongan fakir, kaum kerabat, hamba, musafir dan tetamu. Namun demikian, tidak mengapa bagi orang yang menguruskan wakaf tersebut untuk makan daripada wakaf, sekadar yang perlu tanpa mengaut keuntungan. Hadis ini turut dipetik oleh Kahf (1998) dan Babacan (2011) sebagai dalil yang paling jelas terhadap pensyariatan wakaf dalam Islam.

Sementara itu, para fuqaha dari empat mazhab yang muktabar pula telah menghuraikan secara mendalam tentang wakaf dalam karya-karya fiqah klasik masing-masing. Dalam mazhab Hanafi, wakaf ditakrifkan sebagai penahanan zat harta dan menyedekahkan manfaatnya (Al-Marghinani, 2000). Abu Yusuf dan Muhammad al-Shaybani menjelaskan keharusan berwakaf adalah berdasarkan hadis ‘Umar RA dan kaedah *istihsan* kerana manfaat wakaf kepada masyarakat adalah amat besar (Al-Sarakhsi, 1989). Konsep pemindahan milik kepada Allah SWT (*tamalluk lillah*) juga ditekankan, menjadikan harta wakaf tidak boleh dijual atau diwarisi. Dalam mazhab Maliki, wakaf dilihat lebih fleksibel. Imam Malik membenarkan wakaf untuk tempoh tertentu (*waqf mu‘aqqat*) (Sahnun, 1994). Pendekatan ini dipertahankan melalui kaedah *maslahah mursalah* yang digarap oleh Ibn Rushd (1995), yang melihat wakaf sebagai instrumen sosial yang harus disesuaikan dengan keperluan masyarakat. Mazhab Syafi‘i pula menekankan pengekalan zat harta sebagai asas wakaf. Al-Syafi‘i (2001) mentakrifkan wakaf sebagai menahan zat harta dan mengalirkan manfaatnya selagi zatnya kekal. Al-Nawawi (1996) menegaskan bahawa wakaf adalah amalan sunat yang dituntut berdasarkan hadis sahih dan ijmak sahabat. Mazhab Syafi‘i turut menekankan kepentingan syarat pewakaf (*shurut al-Waqif*) dan kejelasan pentadbiran wakaf untuk mengelakkan pertikaian. Dalam mazhab Hanbali, wakaf dianggap sebagai antara ibadah terbaik selepas sedekah. Ibn Qudamah (1968) menyifatkan wakaf sebagai ibadah yang mempunyai kelebihan kerana manfaatnya berterusan, manakala Al-Buhuti (1982) menegaskan bahawa wakaf menggabungkan unsur sedekah dan keabadian pahala secara serentak. Secara keseluruhannya, perbincangan dalil dan *istinbat* fuqaha menunjukkan bahawa pensyariatan wakaf disandarkan kepada kombinasi dalil teks yang jelas, ijmak sahabat dan metodologi usul fiqah yang kukuh. Para ulama sepakat bahawa wakaf adalah ibadah yang sangat digalakkan kerana ia menyediakan peluang untuk sedekah secara berkekalan dan menyumbang kepada kemaslahatan umum.

Di samping itu, wakaf juga merupakan salah satu instrumen utama dalam ekonomi Islam yang berfungsi menyalurkan kekayaan kepada kesejahteraan masyarakat melalui harta yang kekal dan berterusan manfaatnya. Fellang (2025) menjelaskan bahawa pengurusan wakaf dalam Islam adalah berasaskan prinsip keikhlasan, amanah dan kesinambungan manfaat untuk maslahat umum. Usman & Faruqi (2024) turut menekankan bahawa wakaf berfungsi sebagai instrumen

kebijakan sosial dan ekonomi, dengan peranan besar dalam membentuk struktur masyarakat yang sejahtera dan berdaya tahan. Daripada perspektif fiqah klasik, Sari et al. (2024) membincangkan bahawa konsep wakaf telah wujud sejak zaman Rasulullah SAW dan berkembang melalui ijtihad para fuqaha, yang kemudiannya diterjemahkan dalam pelbagai perundangan moden di negara-negara Islam. Rashid et al. (2025) pula mengkaji *dawabit fiqhiyyah* (prinsip-prinsip fiqh) yang mengawal selia keabsahan dan pengurusan wakaf, termasuk syarat-syarat pewakaf, harta wakaf dan benefisiari yang mesti dipenuhi dalam pelaksanaan wakaf.

Menurut Nazmi & Juliati (2024), sejarah wakaf jelas memperlihatkan betapa pentingnya peranan wakaf dalam pembangunan peradaban Islam, di mana wakaf bukan sahaja menyumbang kepada pembangunan institusi pendidikan, kesihatan dan kemudahan awam, malah menjadi mekanisme pembiayaan alternatif bagi masyarakat Islam. Pitchay et al. (2024) mengkaji perkembangan wakaf daripada zaman kegemilangannya di dunia Islam, kejatuhannya akibat kolonialisme, dan usaha-usaha reformasi yang dijalankan pada era moden untuk mengembalikan fungsi wakaf sebagai alat pembangunan ekonomi. Sementara itu, Masriyah (2024) dalam kajiannya menerangkan bahawa konsep wakaf produktif menjadi pemangkin utama dalam meningkatkan kesejahteraan masyarakat melalui pembangunan harta wakaf yang boleh menjana pendapatan secara berterusan. Dapatan ini disokong oleh kajian Mursal et al. (2024) yang menegaskan bahawa pengaktifan aset wakaf mampu mengurangkan kadar kemiskinan dan meningkatkan taraf hidup masyarakat setempat, sesuai dengan *Maqasid Syariah* dalam menjaga maslahat umat. Selain itu, kajian oleh Ramli et al. (2024) turut menyoroti pendekatan *al-Takyif al-Fiqhiyy* dalam membangunkan hartanah wakaf yang terbengkalai di Malaysia. Pendekatan ini membolehkan harta yang sebelum ini tidak produktif, dimajukan semula tanpa menyalahi prinsip asal wakaf, melalui penyesuaian hukum fiqah terhadap keperluan kontemporari.

Dalam usaha memulihkan semula fungsi asal wakaf, pelbagai inisiatif reformasi telah diperkenalkan. Pitchay et al. (2024) menegaskan pentingnya revitalisasi wakaf melalui pembaharuan dalam aspek perundangan, profesionalisme pengurusan, serta inovasi bagi pengumpulan dana wakaf seperti wakaf tunai. Kajian ini juga mencadangkan bahawa pengurusan wakaf perlu mengintegrasikan prinsip tadbir urus korporat yang baik agar institusi wakaf dapat disesuaikan selaras dengan cabaran globalisasi dan keperluan ekonomi semasa. Meskipun wakaf mempunyai potensi yang besar, terdapat beberapa isu yang menghalang keberkesannya. Rashid et al. (2025) menggariskan bahawa kurangnya pemahaman tentang prinsip-prinsip fiqah wakaf, kekangan perundangan, serta kelemahan dalam tadbir urus merupakan antara cabaran utama. Usman & Faruqi (2024) pula menyarankan bahawa usaha pendidikan dan kesedaran tentang kepentingan wakaf perlu dipertingkatkan dalam kalangan masyarakat, di samping reformasi institusi wakaf agar lebih cekap, telus dan berdaya saing.

### **Tadbir Urus Wakaf**

Tadbir urus wakaf merupakan satu komponen penting dalam memastikan kelestarian manfaat wakaf kepada masyarakat. Menurut Hashim et al. (2021), pengurusan wakaf yang berkesan memerlukan prinsip akauntabiliti, ketelusan dan kecekapan, khususnya bagi institusi *mutawalli* yang beroperasi di bawah Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). Abdullah (2020) pula menekankan bahawa pengurusan pembiayaan harta wakaf produktif memerlukan sistem tadbir urus yang jelas untuk memaksimumkan hasil aset wakaf bagi manfaat masyarakat. Zulkifli et al. (2022b) dalam kajiannya merumuskan bahawa konsep tadbir urus wakaf merangkumi aspek struktur organisasi, proses pengurusan dan sistem pemantauan yang berintegriti, sejajar dengan keperluan *Maqasid Syariah*.

Kajian Mustaffa et al. (2022) membincangkan tentang struktur tadbir urus wakaf di Malaysia yang berbeza mengikut negeri, di mana sesetengah negeri menunjukkan tahap keberkesanan dan ketelusan yang lebih baik berbanding negeri yang lain. Dapatan ini juga disokong oleh kajian Malib et al. (2024) yang mencadangkan perlunya anjakan paradigma dalam tadbir urus wakaf, dengan menekankan aspek kelestarian manfaat dan pembangunan berterusan. Sementara itu, Mahmood et al. (2017) menyoroti kepentingan kawalan dalaman sebagai mekanisme untuk mengekalkan integriti pengurusan wakaf, melalui audit dalaman, laporan berkala dan pemantauan pelaburan wakaf. Zulkifli et al. (2022) melalui kajian empirikalnya mendapati bahawa integrasi tadbir urus wakaf yang menggabungkan elemen syariah, pengurusan risiko dan pemantauan korporat mampu meningkatkan prestasi institusi wakaf di Malaysia.

Selain itu, isu tadbir urus syariah turut menjadi fokus penting dalam konteks wakaf. Ibrahim & Ab Rahman (2024) membincangkan bagaimana penyelesaian kepada isu-isu pembangunan wakaf perlu mengambil kira aspek tadbir urus syariah, termasuk dalam konteks kelulusan projek pembangunan dan pengagihan manfaat wakaf. Dalam kerangka ini, Hassan et al. (2022) mencadangkan pembentukan rangka kerja tadbir urus syariah khusus untuk institusi wakaf, seperti Majlis Agama Islam Melaka (MAIM), bagi memperkukuhkan kepatuhan syariah dalam operasi wakaf. Manakala, Ismail et al. (2022b) memperkenalkan Teori Tadbir Urus Wakaf Pendidikan berteraskan *Maqasid Syariah*, yang meletakkan pendidikan sebagai satu keutamaan dalam pembangunan aset wakaf.

Dewasa ini juga, pengurusan risiko dalam tadbir urus wakaf semakin diberikan perhatian. Ab Wan et al. (2021) mendapati bahawa institusi wakaf di Malaysia masih berhadapan dengan cabaran dari aspek pengurusan risiko, khususnya berkaitan ketidakpastian hasil pelaburan dan pengurusan aset tidak strategik. Kajian oleh Hassan et al. (2022a) menunjukkan bahawa amalan terbaik dalam pengurusan wakaf di beberapa negeri dan negara luar seperti Turki dan Indonesia membuktikan keperluan membangunkan dasar risiko yang sistematik untuk menjamin kelangsungan manfaat wakaf.

Di samping itu juga, transformasi tadbir urus wakaf turut menjadi keperluan penting dalam era globalisasi. Bakar et al. (2020) membincangkan bagaimana Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) telah melaksanakan perubahan dalam pengurusan wakaf melalui pemodenan struktur organisasi dan strategi pelaburan wakaf yang lebih berdaya saing. Saufi et al. (2023) pula meneliti penerapan konsep madani dalam tadbir urus wakaf pendidikan di Pulau Pinang, yang menekankan nilai keterbukaan, keadilan sosial dan keberdayaan masyarakat. Pitchay et al. (2024) dalam kajiannya juga menekankan pentingnya pembaharuan dalam struktur pentadbiran wakaf, termasuk melalui pembentukan kerjasama strategik antara institusi wakaf dengan sektor swasta untuk mengoptimumkan manfaat harta wakaf.

### Sejarah Wakaf di Pahang

Sejarah pentadbiran agama Islam di Pahang berkait rapat dengan sejarah kemasukan Islam ke negeri tersebut. Malah, perjumpaan artifak-artifak sejarah seperti batu nisan turut dijadikan bukti sebagai asas pertapakan agama Islam di Pahang (Yahaya & Halimi, 1993). Pada bulan Jun tahun 1953, batu nisan telah ditemui di Kampung Permatang Pasir Nenas, Pekan, Pahang. Batu nisan ini dihiasi dengan Al-Quran dan syair Arab serta tercatat tarikh kematian pemilik batu nisan tersebut iaitu pada hari Rabu, tanggal 14 Rabiulawal 419 Hijrah. Penemuan ini membawa konotasi positif bahawa tarikh pada batu nisan ini jauh lebih lama dari tarikh yang terdapat di Batu Bersurat Terengganu (702H), wang emas (dinar) lama Kelantan (577H), malah mendahului lebih 300 tahun dari kewujudan Kerajaan Melaka (Mukmin, 2004; Borham, 2012; Rosele et al., 2015). Apabila Sultan Abdul Ghafur Muhiuddin Shah (1592–1614), iaitu Sultan Pahang yang ke-12 menduduki takhta pada tahun 1584, baginda telah berkahwin dengan Adinda Raja Fattani yang juga sahabat rapat Sultan Brunei. Pada zaman pemerintahan baginda, Risalah Hukum Kanun Pahang telah digubal di mana peruntukan-peruntukan yang ada hampir menyamai hukum-hakam dalam kitab fiqh mazhab Syafie. Terdapat juga peruntukan mengenai jual beli, pelaburan, amanah, upah buruh, tanah, hibah dan wakaf (Ibrahim, 1997). Namun demikian, satu perselisihan faham telah berlaku pada tahun 1614 dan Sultan Abdul Ghafur Muhiuddin Shah telah mati dibunuh. Implikasinya, perlaksanaan hukum tersebut telah terganggu sama sekali. Setelah Belanda dan British mula menguasai dan memecah-belahkan wilayah Kerajaan Johor-Riau-Lingga-Pahang, bermulalah penguasaan sepenuhnya Bendahara memerintah Pahang. Tidak lama kemudian, berlaku perang saudara (1857-1863) dan akhirnya Pahang dapat dikuasai oleh Bendahara Wan Ahmad dengan memakai gelaran DYMM Sultan lalu membentuk kesultanan baru di Pahang hingga ke hari ini.

Dari segi sejarah, amalan wakaf di negeri Pahang telah bermula sejak era Kesultanan Melayu, khususnya ketika pemerintahan Sultan Abdul Ghafur Muhiuddin Shah (1592–1614). Pada masa itu, Hukum Kanun Pahang telah digubal sebagai satu bentuk undang-undang bertulis yang mengatur aspek sosial dan agama, termasuk pentadbiran wakaf (Hamid, 2011; Borham, 2014). Kanun ini, yang banyak mengambil inspirasi daripada Undang-Undang Melaka, memberikan asas perundangan awal bagi pengurusan wakaf di negeri Pahang (Rosele et al. 2015; Rosele et al., 2018). Ia menunjukkan bahawa wakaf telah diiktiraf bukan sahaja sebagai instrumen keagamaan, tetapi juga sebagai alat untuk memperkukuhkan pembangunan ekonomi dan sosial masyarakat Islam tempatan. Dalam tempoh kolonial British, peranan wakaf di Pahang berdepan cabaran apabila kuasa pentadbiran kolonial mempengaruhi pengurusan harta Islam melalui pengenalan sistem undang-undang sivil. Namun, kuasa terhadap wakaf kekal di bawah bidang kuasa institusi agama negeri, yang kemudiannya diperkukuhkan selepas kemerdekaan Malaysia melalui Perlembagaan Persekutuan 1957, yang menetapkan bahawa hal ehwal Islam dan wakaf adalah di bawah tanggungjawab negeri (Yaacob & Yaacob, 2013; Karim, 2014).

Bagi memperkemas pengurusan wakaf, Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) telah ditubuhkan secara rasmi pada tahun 1920-an. Sejak penubuhannya, MUIP memainkan peranan penting dalam pentadbiran wakaf dengan menguruskan pendaftaran, pembangunan, dan agihan manfaat harta wakaf (MUIP, 2025). Perkembangan penting berlaku pada tahun 1998 apabila MUIP melancarkan Skim Saham Wakaf Pahang, satu inovasi yang membolehkan orang awam mewakafkan sumbangan kecil (minimum RM5.00) yang dikumpul untuk membeli tanah atau aset tetap lain demi kepentingan umat Islam (MUIP, 2025). Selain Skim Saham Wakaf, MUIP juga memperkenalkan pelbagai inisiatif lain seperti sistem pembayaran wakaf secara dalam talian menggunakan sistem FPX dan kod QR. Ini sejajar dengan hasrat memperluaskan capaian masyarakat kepada wakaf tunai tanpa sempadan geografi (MUIP, 2025). MUIP turut memperkenalkan potongan gaji bulanan bagi memudahkan wakaf tunai, selain membina projek wakaf hartanah di lokasi strategik seperti Bentong, Kuantan dan Temerloh untuk dimajukan menjadi pusat komersial, pendidikan, dan kebajikan (MUIP, 2025).

Pada tahun 2015, pengurusan wakaf di Pahang diperkukuhkan lagi melalui pelaksanaan Kaedah-Kaedah Dana Wakaf Pahang 2015, yang memperincikan tatacara pengumpulan, penggunaan, dan pelaburan dana wakaf secara lebih sistematik. Ini memastikan semua aset wakaf dikendalikan secara profesional, berakauntabiliti dan mematuhi kehendak syarak. Pada tahun 2022 juga, MUIP telah mengorak langkah ke hadapan dengan memperkasakan aspek tadbir urus wakaf di negeri Pahang melalui penubuhan Enakmen Wakaf Pahang 2022 (Enakmen 29). Walaupun banyak kemajuan dicapai, MUIP masih berhadapan dengan cabaran dalam pembangunan tanah wakaf yang tidak strategik (seperti tanah paya atau bukit), serta keperluan untuk memperkukuhkan struktur tadbir urus korporat bagi memastikan kelestarian aset wakaf dalam jangka panjang. Secara keseluruhannya, sejarah wakaf di Pahang menunjukkan perjalanan yang dinamik, daripada sistem tradisional berasaskan hukum syarak kepada pengurusan profesional moden. Evolusi ini mencerminkan kesungguhan institusi agama di Pahang dalam memastikan wakaf kekal sebagai instrumen penting untuk pembangunan sosioekonomi umat Islam, sejajar dengan tuntutan syarak.

## Wakaf di Pahang

Secara umumnya, pelbagai kajian telah dijalankan untuk menilai kesedaran masyarakat, pelaksanaan wakaf tunai, tadbir urus institusi wakaf, serta cabaran yang dihadapi dalam konteks pengurusan wakaf di negeri Pahang. Tahap kesedaran masyarakat terhadap konsep wakaf di Pahang berkait rapat dengan faktor promosi dan pengetahuan. Kajian oleh Hassan et al. (2021) menunjukkan bahawa promosi yang efektif dan pendedahan maklumat mengenai wakaf mempunyai pengaruh signifikan dalam meningkatkan kesedaran terhadap amalan wakaf tunai. Ini diperkukuhkan lagi oleh dapatan Mokhtar et al. (2021) yang membangunkan kerangka teori untuk mengkaji penerimaan e-Wakaf Pahang, dengan faktor sikap, norma subjektif dan kawalan tingkah laku dilihat mempengaruhi keputusan individu untuk berwakaf melalui platform digital.

Selain itu, penerimaan golongan elit Muslim terhadap amalan wakaf di Pahang turut memainkan peranan penting. Abdullah et al. (2022) mendapati bahawa golongan elit di negeri ini mempunyai kecenderungan positif untuk menyumbang kepada wakaf pendidikan, sekaligus membuka ruang untuk mengembangkan lagi skim-skim wakaf pendidikan yang lebih sistematik. Dalam sektor pendidikan, pelaksanaan wakaf tunai memberikan sumbangan penting kepada kelestarian kewangan institusi agama. Hassan et al. (2024) serta Ayub et al. (2023) melalui kajian di Sekolah Rendah Tahfiz Integrasi (SRITI) Al-Fateh, Raub, Pahang membuktikan bahawa penggunaan dana wakaf tunai mampu membantu mengekalkan operasi sekolah tanpa bergantung sepenuhnya kepada bantuan kerajaan. Ini menzahirkan peranan strategik wakaf tunai dalam memperkukuhkan institusi pendidikan Islam tempatan.

Dalam konteks kutipan dana wakaf, kajian oleh Haron et al. (2016) telah berjaya mengenal pasti beberapa faktor yang mempengaruhi kutipan wakaf tunai, antaranya kepercayaan terhadap pengurusan institusi, kemudahan berwakaf dan faktor emosi penderma. Sementara itu, Ibrahim & Ab Rahman (2021) menekankan bahawa inisiatif memperkenalkan skim wakaf tunai adalah hasil daripada pendekatan *ijtihad jama'i* oleh para ulama dan penggubal dasar, untuk menyesuaikan konsep wakaf dengan keperluan moden. Manakala, dari sudut tadbir urus pula, Bakar et al. (2020) menilai amalan tadbir urus Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) dalam mengurus dana wakaf. Kajian ini mendapati bahawa pelaksanaan prinsip tadbir urus korporat seperti ketelusan, akauntabiliti, dan keberkesanan pengurusan adalah penting dalam mengekalkan kepercayaan awam terhadap institusi wakaf. Yusoff & Zaib (2024) turut menegaskan bahawa pengurusan Dana Wakaf Saham Pahang perlu diperkukuhkan dengan pendekatan pengurusan profesional dan pemantauan berterusan bagi memastikan hasil wakaf dapat dimanfaatkan secara optimum. Dalam skop yang lebih luas, Azha et al. (2013) menyoroti bagaimana amalan wakaf pendidikan di Malaysia, termasuk di Pahang, boleh menjadi alternatif pembiayaan utama untuk pembangunan modal insan. Kajian ini mencadangkan bahawa melalui perancangan strategik, wakaf pendidikan boleh menyumbang kepada pembangunan sekolah dan institusi pendidikan Islam yang mampan. Di samping itu, Ramli et al. (2021) dalam kajian tentang Model Madinah Mawaddah Waqf City menekankan konsep pembangunan bersepadu wakaf yang mampu menjadi model untuk projek-projek wakaf besar di masa hadapan.

Namun begitu, cabaran-cabaran tertentu dalam pengurusan wakaf tetap wujud. Hamid et al. (2024) menyatakan bahawa pandemik COVID-19 telah menonjolkan keperluan untuk memperkasa strategi institusi wakaf, terutamanya dalam menyediakan jaringan keselamatan ekonomi kepada masyarakat. Oleh itu, pendekatan strategik dalam pengumpulan dan agihan dana wakaf perlu diperbaharui untuk menghadapi cabaran masa depan. Dari sudut pelaporan dan audit pula, Kamaruddin et al. (2024a) mengkaji amalan audit syariah di institusi zakat dan wakaf di Malaysia. Kajian ini mendapati bahawa ketidakseragaman dalam pelaksanaan audit memberi kesan kepada integriti pelaporan. Cabaran ini turut ditekankan oleh Kamaruddin et al. (2024b) yang mengenal pasti kekangan dalam pelaporan wakaf, khususnya dari aspek standard pelaporan kewangan dan ketelusan penyampaian maklumat kepada masyarakat. Selain itu, kajian oleh Hamid et al. (2024) juga menunjukkan bahawa untuk memperkasakan institusi wakaf dalam mendepani bebanan ekonomi akibat krisis global, strategi inovatif dan sinergi dengan sektor swasta perlu dipertingkatkan.

Secara keseluruhannya, kajian-kajian lepas mengesahkan bahawa wakaf di Pahang mempunyai potensi besar untuk berkembang sebagai instrumen pembangunan ekonomi dan sosial umat Islam. Keberkesanan promosi dan pendidikan tentang wakaf, pelaksanaan inovatif seperti wakaf tunai dan e-Wakaf Pahang, tadbir urus yang kukuh, serta pengukuhan audit dan pelaporan adalah antara faktor kritikal yang perlu diberi perhatian untuk memastikan kelestarian dan keberkesanan pengurusan wakaf di negeri Pahang.

## Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang

Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) mula ditubuhkan pada tahun 1926. Yang Dipertua Majlis pertama adalah Al-Marhum Yang Amat Mulia Tengku Besar Sulaiman. Pada permulaan, Majlis dikenali sebagai Majlis Anggota Islam Pahang, kemudian berubah nama kepada Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Pahang, akhirnya bertukar kepada Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang yang kekal sehingga hari ini. Pada 8 Mei 1974, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Haji Ahmad Shah Al-Mustai'in Billah Ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar Ri'ayattudin Al-Muadzam Shah ditabal menaiki takhta Kerajaan Negeri Pahang. Selaku Ketua Agama Negeri Pahang, Baginda telah mempengerusikan Mesyuarat Majlis. Namun begitu, mulai 1 November 1984, Baginda Sultan telah melantik Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Pahang selaku Yang Dipertua Majlis dan kekal menerajui Majlis sehingga hari ini. Namun begitu, di atas rasa keprihatinan, KDYMM Sultan Pahang berkenan mengurniakan sebidang tanah seluas 4.35 ekar untuk pembinaan sebuah kompleks pentadbiran Majlis. Pada 21 Oktober 2002, KDYMM

Sultan Pahang berkenan menyempurnakan upacara pecah tanah menandakan bermulanya pembinaan kompleks ini. Pembinaan kompleks ini sebagai Ibu Pejabat Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang telah menelan kos keseluruhan berjumlah RM13.85 juta, sebanyak RM6 juta disumbangkan oleh Kerajaan Persekutuan manakala kos selebihnya ditanggung oleh Majlis sendiri. Pada 5 Julai 2006 satu upacara Majlis Serahan Bangunan Kompleks Majlis di Jalan Istana Permai Pekan oleh Pengarah JKR Negeri Pahang YH. Dato’ Rosman bin Yahya kepada YDH. Dato’ Sri Wan Haji Abdul Wahid bin Wan Hassan selaku Timbalan Yang Dipertua Majlis telah diadakan di Dewan Teater Majlis. Bermula dari tarikh tersebut, operasi pentadbiran Majlis berpindah dari Pejabat KDYMM Sultan Pahang ke bangunan kompleksnya sendiri. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang telah merasmikan kompleks ini pada tanggal 21 Jun 2007 dan berkenan menamakannya sebagai Kompleks Islam Sultan Haji Ahmad Shah.

Asas Penubuhan Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang termaktub dalam Fasal (1) Perkara 24 Bahagian 1 Undang-Undang Tubuh Kerajaan Pahang yang memperuntukkan bahawa Raja merupakan pemerintah dan ketua ugama bagi negeri:

*24. (1) Ketua Ugama Negeri hendaklah Raja Pemerintah dan Raja Pemerintah, dari satu masa ke satu masa, bolehlah mengeluarkan perintah supaya diadakan lagi apa-apa undang-undang sebagaimana yang patut pada timbangan baginda bagi maksud mengatur hal ehwal agama dan bagi menubuhkan sebuah Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu yang akan digelar dalam bahasa Inggeris “Council of Religion and Malay Custom” bagi menolong dan menasihatkan Raja Pemerintah dalam semua perkara mengenai Ugama Negeri dan Adat Resam Melayu.*

Manakala penubuhan dan pemerbadanan Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang pula dapat dilihat dalam Seksyen 4(1) Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991, iaitu:

*4. (1) Maka adalah dengan ini ditubuhkan suatu pertubuhan perbadanan bernama Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang yang kekal turun-menurun dan boleh mendakwa dan didakwa atas namanya dan, tertakluk kepada dan bagi maksud Enakmen ini, boleh membuat kontrak dan boleh memperolehi, membeli, mengambil, memegang dan menikmati apa-apa jenis harta alih dan harta tak alih dan boleh memindah hak, menyerahkan hak, menyerahkan balik, memulangkan, menggadai, menggadai janji, mendemis, menyerahkan hak semula, memindah milik atau dengan cara lain melupuskan atau membuat apa-apa urusan mengenai apa-apa harta alih atau harta tak alih atau apa-apa kepentingan mengenainya yang terletak hak pada Majlis mengikut apa-apa syarat yang Majlis fikirkan patut.*

Sebagai sebuah badan berautoriti di bawah kuasa Sultan Pahang, MUIP memainkan peranan penting dalam memastikan pelaksanaan syariat Islam, pengurusan zakat dan wakaf, serta pembangunan sosioekonomi umat Islam dijalankan secara sistematik dan berkesan. Bagi memperkukuh kedudukannya sebagai peneraju dalam bidang ini, MUIP telah menetapkan satu kerangka perancangan strategik jangka panjang yang merangkumi visi, misi, nilai bersama dan garis masa pembangunan hingga tahun 2050.

Visi MUIP ialah untuk menjadi peneraju dalam pengurusan hal ehwal Islam yang berteraskan pengurusan Rabbani menjelang tahun 2027. Visi ini menggambarkan tekad MUIP untuk menerajui transformasi dalam urusan pentadbiran Islam dengan berpaksikan prinsip-prinsip ketuhanan dan berorientasikan keberkatan. Selaras dengan visi tersebut, misi MUIP pula adalah untuk melestarikan pengurusan dan perkhidmatan hal ehwal Islam yang berkualiti melalui pengetahuan dan amalan penghayatan Islam dengan budaya kerja yang efektif serta efisien. Misi ini menekankan keperluan untuk mewujudkan budaya organisasi yang berasaskan nilai-nilai Islam dalam setiap aspek pengurusan dan pelaksanaan program. Sebagai panduan nilai organisasi pula, MUIP berpegang kepada empat nilai bersama utama iaitu Jati Diri Juara, Amanah, Integriti, dan Profesionalisme. Nilai-nilai ini bukan sahaja menjadi teras kepada budaya kerja dalam organisasi, malah menjadi asas dalam menjalin hubungan dengan masyarakat dan semua pihak berkepentingan. Moto “Hidup Bertakwa” yang dipegang oleh MUIP pula menyerlahkan matlamat akhir segala usaha dan inisiatif yang dijalankan iaitu untuk melahirkan masyarakat yang bertakwa dan sejahtera menurut panduan Islam.



Rajah 1. Garis masa MUIP sehingga 2050

Sumber: Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) 2025

Dalam merealisasikan visi jangka panjang sehingga tahun 2050, MUIP telah menyusun satu pelan pembangunan organisasi melalui lapan fasa garis masa strategik. Rajah 1 menunjukkan garis masa MUIP sehingga 2050. Fasa pertama bermula pada tahun 2016-2020, yang memberi tumpuan kepada usaha memperkukuhkan asas organisasi dengan penekanan terhadap struktur pentadbiran dan penggunaan teknologi. Seterusnya, fasa 2019-2021 menumpukan kepada penjenamaan semula organisasi supaya dikenali dan diyakini oleh masyarakat. Fasa ketiga, 2022-2025, pula menekankan aspek tadbir urus yang cemerlang sebagai teras kepada keberkesanan perkhidmatan MUIP. Fasa 2026-2030 menyoal pembentukan organisasi yang cemerlang dalam semua bidang pentadbiran dan perkhidmatan. Peralihan kepada organisasi unggul pula dijangka berlaku dalam tempoh 2031-2035, di mana MUIP berusaha untuk menjadi model kepada organisasi Islam lain di peringkat nasional. Fasa keenam, 2036-2040, menyoal pencapaian status organisasi yang disanjung melalui pelaksanaan program dan perkhidmatan yang berimpak tinggi. Kemuncaknya ialah fasa 2041-2045, di mana MUIP ingin dikenali sebagai organisasi terbilang yang menjadi rujukan dalam bidang pengurusan Islam. Akhir sekali, menjelang 2046-2050, MUIP menetapkan aspirasi untuk mencapai taraf organisasi bertaraf dunia, yang bukan sahaja dihormati di dalam negara, malah di peringkat antarabangsa.


Seiring dengan perancangan strategik tersebut, MUIP turut memperkenalkan pelbagai inisiatif khusus dalam memartabatkan institusi wakaf. Antara fokus utama ialah usaha meningkatkan dana dan harta wakaf. MUIP menyoal peningkatan kutipan dana wakaf sebanyak RM12 juta menjelang tahun 2026 dan dalam masa yang sama berhasrat untuk mencapai 150 serahan harta wakaf dalam tempoh yang sama. Langkah ini bertujuan memperluaskan lagi sumber kewangan Islam yang boleh digunakan untuk manfaat pembangunan ummah. Dalam memastikan pengurusan harta wakaf yang lebih mantap, MUIP menekankan keperluan memantapkan tadbir urus aset dan harta wakaf. Ini termasuk penyediaan mekanisme tambahan untuk memudahkan masyarakat berwakaf, dengan penambahan sekurang-kurangnya dua saluran kemudahan berwakaf setiap tahun. Pendekatan ini memberi akses lebih luas kepada masyarakat untuk berpartisipasi dalam amal jariah melalui pelbagai platform yang disediakan.

Selaras dengan usaha memperkasakan wakaf, MUIP juga berfokus kepada pembangunan dan pengoptimuman penggunaan harta wakaf. Sebanyak 19 projek dirancang untuk dibangunkan atas tanah wakaf dalam tempoh lima tahun, meliputi lima sektor utama iaitu agama, pendidikan, pembangunan sosial, ekonomi, dan kesihatan. Projek-projek ini dijangka memberi impak yang tinggi terhadap pembangunan masyarakat Islam di negeri Pahang. Bagi memastikan pengurusan wakaf dilaksanakan secara sistematik dan profesional, MUIP berusaha untuk mencapai tahap tadbir urus institusi wakaf yang cemerlang. Ini melibatkan beberapa inisiatif utama seperti meletakkan dan menguatkuasakan Enakmen Wakaf Negeri Pahang menjelang tahun 2023, pengkorporatan institusi wakaf menjelang tahun 2022, serta peningkatan keupayaan rekod dan pengurusan harta wakaf menjelang tahun 2025. Selain itu, MUIP juga merancang untuk mempergiat aktiviti dakwah dan latihan wakaf dengan pelaksanaan sekurang-kurangnya 14 program latihan wakaf di seluruh negeri.

Rajah 2 pula merupakan carta organisasi MUIP. Di peringkat tertinggi organisasi, KDYMM Sultan Pahang memegang kuasa sebagai Ketua Agama Islam Negeri Pahang, selaras dengan kedudukan baginda menurut Perlembagaan Persekutuan dan Undang-Undang Tubuh Negeri. Baginda mengetuai Majlis secara rasmi dan memberi perkenan terhadap pelantikan dan hal ehwal dasar yang berkaitan Islam. Yang Dipertua MUIP dilantik untuk mengetuai urusan pentadbiran dengan dibantu oleh Timbalan Yang Dipertua serta sekumpulan Ahli Majlis yang dilantik berdasarkan kepakaran dalam bidang agama, perundangan, ekonomi, dan masyarakat. Gabungan kepimpinan ini berfungsi sebagai badan penasihat tertinggi dalam membuat keputusan dasar serta pelaksanaan inisiatif agama di peringkat negeri. Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) merupakan pegawai eksekutif tertinggi dalam organisasi ini. KPE bertanggungjawab untuk melaksanakan dasar-dasar Majlis serta mengurus operasi harian MUIP secara menyeluruh. Dalam melaksanakan fungsinya, KPE disokong oleh dua unit penting, iaitu Unit Audit Dalam dan Unit Undang-Undang. Unit Audit Dalam berperanan memastikan setiap aktiviti kewangan dan pentadbiran dilaksanakan mengikut tatacara yang ditetapkan, manakala Unit Undang-Undang memberi khidmat nasihat perundangan berkaitan sebarang keputusan atau pelaksanaan dasar yang berkait dengan undang-undang syariah dan sivil.

Di samping itu, struktur operasi MUIP terdiri daripada tiga komponen utama yang melapor terus kepada KPE. Komponen pertama ialah Pusat Pungutan Zakat dan Wakaf Pahang, yang bertanggungjawab terhadap kutipan dana zakat dan wakaf daripada umat Islam. Pusat ini memastikan proses kutipan dijalankan dengan sistematik, telus dan berlandaskan syariah serta mengembangkan pelbagai saluran digital dan konvensional untuk memudahkan masyarakat menunaikan kewajipan dan sumbangan. Komponen kedua ialah Bahagian Baitulmal dan Pengurusan Islam yang dibahagikan kepada dua cabang utama yang masing-masing diterajui oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif. Cabang pertama menumpukan kepada operasi Baitulmal dan pembangunan Islam. Ia merangkumi tiga bahagian penting iaitu Bahagian Pengurusan dan Pembangunan Islam yang menyelia program dakwah, pendidikan Islam dan pembangunan sahsiah, Bahagian Agihan Zakat yang bertanggungjawab terhadap agihan sumbangan kepada golongan asnaf, serta Bahagian Pengurusan dan Penjanaan Harta yang mengurus pembangunan aset seperti hartanah wakaf dan pelaburan institusi. Cabang kedua pula bertumpu kepada pengurusan dasar dan tadbir urus dalaman. Ia terdiri daripada Bahagian Khidmat Pengurusan yang mengendalikan aspek sumber manusia dan pentadbiran, Bahagian Kewangan dan Akaun yang menyusun bajet serta mengawal selia kewangan institusi, Bahagian Strategik, Teknologi Maklumat dan Komunikasi Korporat yang menumpukan kepada transformasi digital dan komunikasi strategik, serta Bahagian Adat Resam Melayu yang memelihara elemen tradisional Melayu dalam kerangka Islam. Komponen ketiga pula ialah MUIP Holdings Sdn. Bhd., sebuah entiti pelaburan yang bertindak sebagai cabang korporat MUIP dalam menjana pendapatan melalui sektor hartanah, perniagaan

dan projek ekonomi. Penubuhan syarikat ini membolehkan MUIP mengembangkan asetnya secara lebih dinamik serta menjana pulangan yang dapat disalurkan kembali untuk manfaat umat Islam di negeri ini melalui pelbagai bentuk pembangunan dan bantuan.



Rajah 2. Carta organisasi MUIP

Sumber: Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) 2025

### Analisis Kritikal Sorotan Literatur

Sorotan literatur yang komprehensif terhadap wakaf dalam Islam, tadbir urus wakaf, sejarah wakaf di Pahang, serta pengurusan wakaf oleh MUIP mendedahkan beberapa dapatan penting tentang perkembangan bidang ini. Secara umumnya, kajian-kajian terdahulu telah mengesahkan kepentingan wakaf sebagai instrumen pembangunan sosioekonomi umat Islam (Usman & Faruqi, 2024; Fellang, 2025), serta menegaskan keperluan kepada tadbir urus yang profesional, berakauntabiliti dan berorientasikan *Maqasid Syariah* (Hashim et al., 2021; Zulkifli et al., 2022a; Ibrahim & Ab Rahman, 2024). Walaupun begitu, terdapat beberapa jurang ketara yang dapat dikenalpasti dalam bidang ini, yang menunjukkan keperluan untuk meneruskan kajian lanjutan.

Kajian terdahulu cenderung memberikan tumpuan kepada konsep dan prinsip asas wakaf serta tadbir urus secara umum tanpa fokus mendalam kepada konteks tempatan, khususnya di negeri Pahang. Kebanyakan analisis tentang tadbir urus wakaf di Malaysia bersifat nasional dalam konteks negara Malaysia (Mustaffa et al., 2022; Malib et al., 2024) atau tertumpu di negeri-negeri lain seperti Pulau Pinang dan Perlis (Bakar et al., 2020; Saufi et al., 2023). Sedangkan, struktur pentadbiran, dinamika politik dan konteks sosial di Pahang mempunyai keunikan tersendiri yang tidak dapat digeneralisasikan daripada kajian negeri lain. Dengan itu, kajian ini penting untuk mengisi kekosongan berkaitan pengkhususan kajian ke atas MUIP sebagai institusi wakaf yang beroperasi dalam landskap sosiopolitik Pahang.

Walaupun terdapat kajian yang membincangkan tentang pelaksanaan wakaf tunai, wakaf pendidikan dan Skim Saham Wakaf (Hassan et al., 2021; Mokhtar et al., 2021; Abdullah et al., 2022), namun analisis kritikal tentang keberkesanan strategi-strategi ini dalam memperkasakan pembangunan aset wakaf secara bersepadu masih terhad. Kebanyakan kajian hanya menilai aspek kutipan dan kesedaran, tetapi kurang membincangkan sejauh mana inisiatif ini menyumbang kepada peningkatan nilai ekonomi aset wakaf dan impaknya kepada masyarakat (Ayub et al., 2023; Yusoff & Zaib, 2024). Ini membuka ruang untuk kajian yang menilai secara empirik hubungan antara strategi kutipan wakaf dan hasil pembangunan aset wakaf di bawah MUIP.

Dari segi tadbir urus, kajian yang ada menekankan keperluan kepada prinsip ketelusan dan akauntabiliti (Hashim et al., 2021; Zulkifli et al., 2022b), namun belum banyak kajian yang mengkaji secara mendalam mekanisme penguatkuasaan kawalan dalaman, prosedur pemantauan aset, serta pelaporan audit yang diamalkan di MUIP. Kajian seperti Mahmood et al. (2017) dan Kamaruddin et al. (2024) menunjukkan bahawa ketidakseragaman amalan pelaporan dan pengauditan masih wujud di peringkat negeri, tetapi maklumat tentang bagaimana amalan ini diterapkan secara khusus di MUIP masih kabur. Dari sudut integrasi prinsip *Maqasid Syariah* dalam tadbir urus wakaf, meskipun Ismail et al. (2022) telah mengemukakan teori Tadbir Urus Wakaf Pendidikan berasaskan *Maqasid Syariah*, tiada kajian yang menguji sejauh mana prinsip *Maqasid Syariah* secara praktikal diintegrasikan dalam pelaksanaan program pembangunan wakaf oleh MUIP.

Dalam kerangka syariah, wakaf bukan sahaja berfungsi sebagai instrumen kebajikan, tetapi juga sebagai mekanisme pembangunan masyarakat yang memenuhi tujuan-tujuan utama *Maqasid Syariah*. Para sarjana utama *Maqasid Syariah* seperti Imam al-Shatibi, Ibn 'Ashur dan Al-Raysuni menegaskan bahawa *Maqasid Syariah* merupakan asas yang memastikan hukum Islam membawa kepada kemaslahatan dan menolak kemudaratan dalam kehidupan manusia. Imam al-Shatibi menegaskan bahawa *Maqasid Syariah* bertujuan memelihara lima perkara asas iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan harta (Al-Shatibi, 1997). Pemeliharaan harta (*hifz al-Mal*) dalam konteks wakaf amat jelas, kerana wakaf mengekalkan zat harta dengan mengalirkan manfaatnya secara berterusan. Begitu juga pemeliharaan agama (*hifz al-Din*) apabila manfaat wakaf digunakan untuk membangunkan masjid, pendidikan Islam dan dakwah. Ibn 'Ashur (2006) mengembangkan *Maqasid Syariah* ke arah matlamat sosial yang lebih luas seperti keadilan, martabat manusia, solidariti sosial dan kemajuan masyarakat. Dalam perspektif beliau, wakaf menjadi alat reformasi sosial kerana ia bukan sekadar sedekah, tetapi satu mekanisme pengagihan semula kekayaan yang meningkatkan kesejahteraan masyarakat serta menyokong pembangunan pendidikan, kesihatan dan ekonomi umat. Oleh itu, wakaf mempunyai nilai *Maqasid Syariah* yang kukuh sebagai instrumen pembangunan berasaskan *maslahah*. Al-Raysuni (2005) pula menekankan bahawa *Maqasid Syariah* adalah asas kepada ijtihad kontemporari, khususnya dalam membangunkan sistem sosial yang dinamik. Beliau menengahkan konsep *maslahah mu'tabarah*, iaitu manfaat yang diiktiraf syarak dan memenuhi ruh *Maqasid Syariah*. Pendekatan ini membuka ruang kepada inovasi-inovasi baharu dalam wakaf seperti wakaf tunai, wakaf pelaburan, wakaf digital dan wakaf korporat, selagi ia mengekalkan prinsip *maslahah* dan tidak bertentangan dengan dalil syarak.

Dari sudut pembahagian, *Maqasid Syariah* dikategorikan kepada tiga; *daruriyyat*, *hajiyyat* dan *tahsiniyyat* (Al-Shatibi, 1997). Wakaf yang menyokong pendidikan, kesihatan, masjid dan kepentingan umum memenuhi *Maqasid Daruriyyat* kerana ia memelihara lima keperluan asas manusia. Projek wakaf seperti wakaf perumahan, wakaf bencana dan wakaf pertanian memenuhi *Maqasid Hajiyyat* kerana ia mengurangkan kesusahan hidup masyarakat. Sementara itu, wakaf dalam bentuk perpustakaan, kebudayaan atau inovasi memenuhi *Maqasid Tahsiniyyat* kerana ia membantu meningkatkan mutu hidup dan akhlak masyarakat. Integrasi *Maqasid Syariah* dalam pembangunan wakaf dapat dilihat melalui tiga dimensi utama. Pertama, melalui pemeliharaan harta apabila aset wakaf dikekalkan zatnya dan dimanfaatkan untuk tujuan kebajikan. Kedua, melalui pemeliharaan akal dan keturunan apabila wakaf digunakan untuk pembangunan pendidikan, madrasah, pusat pembelajaran dan program sosial keluarga. Ketiga, melalui pencapaian keadilan sosial apabila wakaf membantu mengurangkan jurang ekonomi, meningkatkan akses kepada pendidikan dan kesihatan, serta menyediakan perlindungan sosial kepada golongan rentan (Al-Raysuni, 2005; Ibn 'Ashur, 2006). Pendekatan *Maqasid Syariah* membolehkan institusi wakaf melaksanakan inovasi, memperkukuh tadbir urus, serta memastikan manfaat wakaf mengalir kepada generasi hari ini dan yang akan datang.

Kebanyakan kajian terdahulu juga lebih menekankan aspek statik sejarah wakaf di Pahang, terutamanya pada era Kesultanan Melayu dan kolonial (Ibrahim, 1997; Hamid, 2011; Yaacob & Yaacob, 2013). Walaupun penceritaan tentang evolusi institusi wakaf di Pahang telah dilakukan, kajian empirikal yang menilai dinamika perubahan pasca Enakmen Wakaf Pahang 2022 (Enakmen 29) masih belum dilaksanakan. Tambahan pula, meskipun banyak kajian menekankan kepentingan inovasi dalam pengurusan wakaf, seperti penggunaan e-Wakaf dan wakaf tunai (Pitchay et al., 2024; Hamid et al., 2024), masih kurang kajian dilakukan tentang cabaran praktikal yang dihadapi oleh institusi seperti MUIP dalam melaksanakan inovasi ini, termasuk kekangan teknologi, penerimaan masyarakat dan isu keselamatan transaksi.

Tuntasnya, walaupun wakaf diiktiraf sebagai instrumen penting dalam pembangunan sosioekonomi umat Islam di Malaysia, kajian-kajian terdahulu masih kurang memberi tumpuan kepada aspek tadbir urus wakaf di peringkat negeri secara mendalam, khususnya dalam konteks Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP). Sebahagian besar literatur hanya membincangkan konsep wakaf secara umum atau menilai prestasi institusi wakaf di negeri lain tanpa meneliti keunikan struktur pentadbiran, dinamika pelaksanaan, serta cabaran spesifik yang dihadapi di negeri Pahang. Selain itu, kajian empirikal yang mengenal pasti potensi-potensi pembangunan wakaf melalui pendekatan pengurusan

yang sistematik juga masih terbatas. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk meneroka secara khusus tadbir urus wakaf di Pahang yang dikendalikan oleh MUIP, dengan fokus utama untuk mengenal pasti potensi yang boleh dimanfaatkan serta menganalisis cabaran-cabaran yang dihadapi dalam memastikan keberkesanan dan kelestarian pengurusan wakaf di negeri ini. Kajian ini diharap dapat mengisi kelompongian yang wujud dalam literatur sedia ada, sekaligus menyumbang kepada penambahbaikan pengurusan wakaf di Malaysia, khususnya di negeri Pahang.

## METODOLOGI KAJIAN

### Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif bagi meneroka secara mendalam isu-isu yang berkaitan dengan tadbir urus wakaf oleh Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP). Reka bentuk kualitatif ini dipilih kerana ia membolehkan pengkaji memahami pengalaman, perspektif dan konteks sebenar pelaksanaan wakaf di lapangan. Pendekatan ini sesuai dengan objektif kajian yang bertujuan mengenal pasti potensi dan cabaran pengurusan wakaf dalam kerangka institusi agama negeri iaitu MUIP. Pendekatan kualitatif juga bersifat interpretatif dan digunakan secara meluas dalam kajian yang melibatkan aspek sosial, institusi dan polisi (Creswell, 2013).

### Kaedah Pengumpulan Data

Pengumpulan data dalam kajian ini dijalankan melalui dua kaedah utama iaitu temu bual separa berstruktur dan analisis dokumen. Temu bual separa berstruktur melibatkan informan utama daripada MUIP iaitu pegawai kanan yang terlibat secara langsung dalam pengurusan wakaf. Soalan temu bual dirangka berdasarkan objektif kajian, namun memberikan ruang fleksibel kepada informan untuk menghuraikan pandangan secara terbuka (Merriam & Tisdell, 2016). Kaedah ini membolehkan pengkaji mengumpul maklumat terperinci mengenai amalan, strategi, serta cabaran pengurusan wakaf dari perspektif pelaksana dasar. Manakala, pemilihan informan kajian ini adalah berdasarkan persampelan bertujuan (*purposive sampling*) bagi memastikan kesesuaiannya dengan objektif kajian (Palinkas et al., 2015). Jadual 1 merupakan senarai informan kajian.

Jadual 1. Senarai informan kajian

No	Informan	Negeri	Jawatan
1	Informan 1	Pahang	Penolong Pegawai Ekonomi, Bahagian Baitulmal, Wakaf dan Pelaburan, Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP)

Selain itu, data sekunder turut diperoleh melalui analisis dokumen rasmi seperti Enakmen Wakaf Negeri Pahang (Enakmen 29), laporan tahunan MUIP, pelan strategik, serta bahan penerbitan yang berkaitan. Penggunaan dokumen ini membantu memperkukuh data primer serta menyediakan konteks struktur dan dasar yang digunakan dalam tadbir urus wakaf (Bowen, 2009).

### Kaedah Penganalisan Data

Data yang dikumpul dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik. Kaedah ini membolehkan pengkaji mengenal pasti tema-tema utama yang muncul daripada transkrip temu bual dan dokumen yang dianalisis. Proses analisis ini melibatkan beberapa langkah, iaitu membaca berulang kali data mentah, menandakan kod-kod penting, mengelompokkan kod kepada tema, dan akhirnya membuat interpretasi terhadap tema-tema tersebut berdasarkan kerangka kajian (Braun & Clarke, 2006). Analisis tematik sangat sesuai untuk mengenal pasti pola pemikiran, pendekatan pengurusan dan cabaran yang timbul dalam konteks pengurusan wakaf di Pahang.

### Kesahan dan Kebolehpercayaan Kajian

Bagi menjamin kesahan (*validity*) dan kebolehpercayaan (*reliability*) kajian, beberapa langkah telah diambil. Antaranya ialah triangulasi data iaitu dengan membandingkan maklumat daripada temu bual dengan dokumen rasmi bagi memastikan konsistensi fakta dan interpretasi. Selain itu, pengkaji juga melakukan semakan oleh rakan pengkaji (*peer debriefing*) dan mendapatkan pengesahan informan (*member checking*) dengan memberikan transkrip kepada informan untuk disemak ketepatannya. Langkah-langkah ini selaras dengan saranan Lincoln & Guba (1985) untuk menjamin kredibiliti dan ketekalan dalam kajian kualitatif.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Kajian ini mendapati bahawa Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) telah mengambil pendekatan yang unik dalam menguruskan wakaf di negeri Pahang dengan mengintegrasikan tiga fungsi utama iaitu wakaf, baitulmal dan pelaburan dalam satu pentadbiran. Strategi penggabungan ini bertujuan memperkukuh sumber kewangan serta memperkemas pengurusan aset wakaf di bawah satu struktur yang lebih sistematik dan cekap.

## Potensi Pengurusan Wakaf oleh Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP)

### 1) Inovasi Kutipan Wakaf Tunai

Antara potensi utama yang dikenal pasti ialah penggunaan teknologi sistem dalam talian untuk memudahkan kutipan wakaf tunai. Sistem ini membolehkan orang ramai melakukan sumbangan wakaf secara atas talian melalui platform FPX, sekaligus mengatasi kekangan geografi dan meningkatkan jumlah kutipan. Informan 1 menyatakan:

*“Sistem pembayaran online ni... banyak memudahkan urusan wakaf tunai. Kiranya...ia dapat membantu untuk menarik pewakaf yang berada di luar negeri Pahang untuk turut serta berwakaf dengan kita...”*

– (Informan 1)

*“Dulu susah nak sumbang wakaf sebab kena datang pejabat, sekarang klik saja dekat handphone.”*

– (Informan 1)

Dapatan ini selari dengan kajian Pitchay et al. (2024) yang menekankan inovasi dalam pengumpulan dana wakaf sebagai salah satu kunci revitalisasi wakaf. Kajian Mokhtar et al. (2021) juga menunjukkan bahawa e-Wakaf meningkatkan kemudahan akses masyarakat kepada platform wakaf.

### 2) Pendekatan Mesra Pengguna

Pendekatan mesra pengguna turut diperkukuhkan dengan pembukaan kaunter wakaf di semua cawangan daerah MUIP di seluruh Pahang. Informan 1 menjelaskan:

*“Sekarang ini bila ada kaunter di setiap daerah, orang kampung pun senang nak wakaf, tak perlu datang jauh.”*

– (Informan 1)

Struktur tadbir urus yang fleksibel juga memberi kelebihan kepada MUIP dalam membuat keputusan secara cepat. Perkara ini dinyatakan oleh Informan 1:

*“Kalau kita buat sendiri keputusan cepat, tak perlu nak upkan ke pejabat lain. Kita mesyuarat dengan TYDP saja.”* – (Informan 1)

Perkara ini membuktikan perlaksanaan prinsip Maqasid Syariah dalam memudahkan urusan kebajikan umat Islam (Ismail et al., 2022). Kajian Rashid et al. (2025) dan Haron et al. (2016) menegaskan bahawa kemudahan akses dan pendedahan maklumat meningkatkan kesedaran dan keyakinan masyarakat terhadap amalan wakaf.

### 3) Pengukuhan Asas Perundangan

Penubuhan Enakmen Wakaf Pahang 2022 (Enakmen 29) menjadi tonggak penting dalam memperkukuhkan asas perundangan pengurusan wakaf. Menurut seorang Informan 1,

*“Dengan adanya Enakmen ini, lebih mudah nak kuatkuasakan pemilikan dan kawalan ke atas harta wakaf.”* – (Informan 1)

Dapatan ini turut seiring dengan saranan Ibrahim & Ab Rahman (2024) tentang keperluan pembentukan rangka kerja undang-undang syariah yang lebih kukuh. Malah, Nazmi & Juliati (2024) juga menegaskan bahawa kepastian perundangan merupakan asas penting dalam memperkasakan wakaf.

### 4) Perancangan Strategik Wakaf

MUIP juga melaksanakan perancangan strategik jangka panjang untuk memperkukuhkan peranan wakaf. Hal ini menunjukkan kesungguhan dalam memastikan pembangunan wakaf lebih terancang dan berfokus. Informan 1 berkata:

*“Kita ada KPI, ada Pelan Strategik untuk wakaf, memang setiap bahagian akan bentang dalam mesyuarat.”* – (Informan 1)

Ini konsisten dengan cadangan Hashim et al. (2021) dan Malib et al. (2024) yang menyatakan bahawa keberkesanan pengurusan wakaf bergantung kepada perancangan sistematik, akauntabiliti dan sasaran pengukuhan kelestarian manfaat.

## Cabaran Pengurusan Wakaf oleh Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP)

### 1) Kekurangan Sumber Manusia Berkemahiran

Salah satu cabaran utama adalah kekurangan sumber manusia berkemahiran dalam bidang teknikal pembangunan aset wakaf. Menurut Informan 1:

*“Kebanyakan staf MUIP perlu menggagas pelbagai tugas. Kami kekurangan pegawai yang benar-benar pakar dalam pembangunan wakaf.”*

– (Informan 1)

*“Kalau nak buat ladang, pelaburan, wakaf sekali, memang kerja berat sebab tenaga pakar terhad.”*

– (Informan 1)

Cabaran kekurangan sumber manusia berkemahiran ini adalah seiring dengan dapatan Mustaffa et al. (2022) yang mendapati beberapa MAIN menghadapi masalah kekurangan tenaga profesional dalam pengurusan wakaf. Bahkan, Rashid et al. (2025) turut menegaskan bahawa kelemahan keupayaan sumber manusia membantutkan kelangsungan projek wakaf.

### 2) Keterbatasan Dana dan Pembangunan Aset

Keterbatasan dana juga menjadi cabaran ketara. Walaupun kutipan wakaf tunai meningkat, ia masih tidak mencukupi untuk menampung kos pembangunan besar. Perkara ini dipersetujui oleh Informan 1:

*“Tanah paya dan bukit yang diwakafkan memerlukan kos pembangunan yang sangat tinggi, dan ini menjadi beban kepada pihak MUIP.”* – (Informan 1)

*“Kadang-kadang kita kena guna dana Baitulmal untuk tampung, sebab dana wakaf sahaja tak cukup.”* – (Informan 1)

Jadual 2. Statistik kutipan wakaf tunai vs kos pembangunan aset wakaf MUIP

Tahun	Bilangan Pewakaf	Jumlah Kutipan Dana Wakaf	Jumlah Agihan / Pengeluaran Dana Wakaf
2022	4,882 orang	RM 2,242,317.00	RM 2,362,862.75
2023	7,002 orang	RM 3,503,392.36	RM 2,158,518.74
2024	9,559 orang	RM 6,806,961.63	RM 5,211,949.31
2025 (Oktober)	10,172 orang	RM 4,022,924.49	RM 3,332,451.83

Sumber: Portal Wakaf Pahang (2025)

Data rasmi daripada Portal Wakaf Pahang memperlihatkan gambaran yang lebih jelas mengenai isu keterbatasan dana ini. Jadual 2 mewakili statistik kutipan wakaf tunai vs kos pembangunan aset wakaf oleh MUIP. Prestasi kutipan wakaf tunai menunjukkan peningkatan yang konsisten, antaranya RM3.5 juta pada tahun 2022, meningkat kepada RM6.8 juta pada tahun 2023, dan RM4.0 juta bagi tahun 2025 sehingga Oktober. Pada masa yang sama, jumlah pewakaf juga meningkat daripada 7,021 orang (2022) kepada lebih 10,000 pewakaf menjelang Oktober 2025. Walaupun perkembangan ini menunjukkan tren positif dari segi penyertaan masyarakat, jumlah kutipan yang dihimpunkan masih jauh lebih kecil berbanding keperluan kewangan sebenar bagi pembangunan aset wakaf berskala besar.

Jumlah pengeluaran dana wakaf turut menunjukkan kepelbagaian yang ketara. Pada tahun 2023, misalnya, pengeluaran hanya sekitar RM2.16 juta, manakala pada 2024 pengeluaran melonjak kepada lebih RM5.2 juta. Perbelanjaan tersebut merangkumi projek-projek seperti pembinaan dan baik pulih masjid, surau, asrama, pagar tanah perkuburan, serta bantuan pendidikan dan sosial. Statistik ini menunjukkan bahawa dana wakaf tertumpu kepada projek-projek bernilai kecil hingga sederhana yang bersifat keperluan segera dan manfaat cepat. Namun, pengagihan dana kepada pelbagai sektor sosial ini menjadikan dana untuk pembangunan aset besar semakin terhad. Malah, aset strategik seperti tanah paya atau tanah berbukit memerlukan kos permulaan yang tinggi untuk menaik taraf infrastruktur asas, memulakan kerja pembersihan dan meratakan tanah, menyediakan akses jalan, serta membina struktur fizikal. Kos-kos ini jauh melebihi kemampuan kutipan wakaf tahunan.

Tambahan pula, aliran kutipan wakaf tunai adalah tidak tetap dan sangat bergantung kepada sumbangan masyarakat serta kempen derma tahunan. Situasi ini menyebabkan MUIP perlu bergantung kepada sumber lain seperti dana baitulmal untuk menampung kos projek besar. Ketiadaan data komprehensif mengenai kos pembangunan aset wakaf yang besar dalam laporan terbuka MUIP turut menunjukkan bahawa pemetaan kos sebenar pembangunan wakaf adalah cabaran dalam penyelidikan dan perancangan projek. Hal ini menjejaskan keupayaan institusi wakaf untuk merancang pembangunan jangka panjang secara sistematik.

Kajian Haron et al. (2016) dan Ramli et al. (2024) mengesahkan bahawa kekangan dana menghambat pembangunan aset wakaf tidak produktif. Antara solusi yang diperlukan ialah inovasi dalam pembiayaan seperti yang dicadangkan oleh Ramli et al. (2024) melalui konsep *al-Takyif al-Fiqhiyy*. Dalam konteks MUIP, inovasi pembiayaan wakaf seperti wakaf pelaburan, wakaf korporat dan kolaborasi strategik dengan sektor swasta boleh menjadi solusi jangka panjang bagi menangani kekangan dana pembangunan aset wakaf. Meskipun kutipan wakaf meningkat, kos pembangunan aset yang besar jauh melebihi dana sedia ada. Oleh itu, strategi pembiayaan inovatif, pelaporan kewangan yang lebih komprehensif, dan penyusunan semula keutamaan projek adalah sangat penting bagi memastikan pembangunan aset wakaf dapat dilaksanakan secara mampan dan memberi manfaat kepada masyarakat dalam jangka panjang.

### 3) Kekangan Perundangan dan Prosedur Birokrasi

Selain itu, kekangan perundangan turut membantutkan kelancaran pembangunan harta wakaf. Prosedur birokrasi yang berlapis memerlukan kelulusan yang agak panjang. Prosedur seperti ini melambatkan kelulusan projek pembangunan wakaf. Informan 1 berkongsi:

*“Kalau nak tukar status tanah atau buat istibdal pun ambil masa panjang sebab prosedur kena lalui beberapa pihak dulu.”* – (Informan 1)

Ia bertepatan dengan dapatan Rashid et al. (2025) dan Ibrahim & Ab Rahman (2024) yang menyatakan bahawa kekangan perundangan memperlahankan pertumbuhan wakaf.

4) Ketiadaan Mekanisme Pengurusan Risiko Yang Sistematis

MUIP juga menghadapi kekangan kesan daripada ketiadaan jabatan atau bahagian pengurusan risiko yang sistematis. Hal ini secara tidak langsung meningkatkan risiko terhadap sebarang keputusan pelaburan. Informan 1 menyuarakan:

*“Pengurusan risiko tu buat kajian sendiri je, belum ada jabatan risiko atau bahagian risiko yang khusus.”* – (Informan 1)

Ketiadaan pengurusan risiko yang sistematis dijangka menambah pendedahan MUIP kepada risiko pelaburan. Ia selari dengan dapatan Ab Wan et al. (2021) dan Hassan et al. (2022) yang menggesa penginstitusian dasar risiko dalam pengurusan wakaf untuk menjamin kelangsungan manfaat aset.

5) Persepsi Masyarakat dan Kesedaran Awam

Persepsi masyarakat terhadap projek wakaf juga menjadi cabaran. Ini menunjukkan perlunya kepada lebih banyak lagi usaha dalam mendidik masyarakat tentang kepentingan dan sumber sebenar pembangunan wakaf. Hal ini disuarakan oleh Informan 1:

*“Ada yang kata projek ini menghabiskan duit zakat, walhal kita guna wakaf dan baitulmal. Ada juga yang salah faham tentang hotel dan pasaraya MUIP.”* – (Informan 1)

Persepsi masyarakat yang kurang tepat terhadap projek wakaf turut menjadi cabaran, seperti disorot dalam kajian Hamid et al. (2024) dan Haron et al. (2016) mengenai pentingnya strategi komunikasi awam untuk memperkukuh kepercayaan terhadap institusi wakaf.

6) Kesukaran Pembangunan Tanah Wakaf Tidak Strategik

Cabaran membangunkan tanah wakaf yang kurang strategik turut diutarakan. Cabaran sebegini memerlukan pendekatan kreatif seperti istibdal untuk memastikan tanah wakaf dapat dioptimumkan. Informan 1 menjelaskan:

*“Tanah-tanah yang tidak bernilai tinggi ni, susah nak bangunkan. Tapi kita tetap ambil sebab takut nanti jatuh ke tangan orang lain.”* – (Informan 1)

Jadual 3. Statistik tanah wakaf MUIP


Bil.	Maklumat Tanah Wakaf	Data Rasmi Tanah Wakaf	Huraian
1.	Jumlah aset wakaf diterima (2025)	60 aset wakaf baharu	Menunjukkan pertambahan aset, termasuk tanah yang mungkin memerlukan pembangunan.
2.	Contoh tanah wakaf belum digunakan	Lot 22282, Mukim Bangau (0.011 ekar)	Saiz kecil, lokasi bukan kawasan pembangunan besar; sukar dimajukan. Merupakan antara indikator tanah “tidak strategik”.
3.	Contoh tanah wakaf belum digunakan	Lot 381, Mukim Batu Yon (3.75 ekar)	Walaupun luas, status “belum digunakan”. Kemungkinan lokasi jauh / akses tidak sesuai menjadi antara cabaran pembangunan.
4.	Contoh tanah wakaf belum disewakan	Lot 25709, Mukim Penjom (2.206 ekar)	Tidak disewakan, menunjukkan kurang nilai pasaran / komersial.
5.	Status tanah wakaf (pelbagai lot)	Banyak lot ditanda sebagai “belum digunakan” atau “belum disewakan”	Wujud tanah berpotensi “tidak strategik” atau sukar dipasarkan.
6.	Jenis aset wakaf	Tanah kecil, tanah paya, tanah berbukit, bangunan lama	Kualiti dan bentuk tanah memberi impak langsung kepada kebolehan dimajukan.
7.	Dana wakaf digunakan untuk projek kecil- sederhana	Projek pembaikan masjid, surau, sekolah, kebajikan	Menunjukkan fokus kepada projek siap pakai; pembangunan tanah besar memerlukan modal lebih tinggi.

Sumber: Portal Wakaf Pahang (2025)

Data rasmi melalui Portal Wakaf Pahang mempamerkan isu kesukaran pembangunan tanah oleh MUIP. Jadual 3 mewakili statistik tanah wakaf MUIP. Pada tahun 2025 sahaja, MUIP merekodkan penerimaan 60 aset wakaf baharu. Angka ini menunjukkan pertambahan signifikan aset yang perlu diurus, namun tanpa peningkatan sumber manusia dan modal, ia menambah beban pentadbiran terutama apabila sebahagian aset tersebut berada di lokasi yang kurang sesuai untuk dimajukan. Senarai rasmi tanah wakaf menunjukkan terdapat banyak lot yang masih dalam kategori “belum digunakan” atau “belum disewakan”, yang secara langsung mencerminkan cabaran pembangunan tanah tidak strategik. Beberapa contoh yang jelas boleh dilihat melalui inventori tanah wakaf MUIP. Misalnya, terdapat lot kecil seperti Lot

22282 di Mukim Bangau yang berkeluasan hanya 0.011 ekar, dan ditandai sebagai “belum digunakan”. Lot bersaiz sebegini secara praktikalnya tidak ekonomikal untuk pembangunan berskala besar dan hampir mustahil dijadikan projek pelaburan komersial. Begitu juga dengan Lot 381 di Mukim Batu Yon yang berkeluasan 3.75 ekar, tetapi tetap berada dalam kategori “belum digunakan”. Ini menunjukkan bahawa isu tanah tidak strategik bukan hanya berkaitan saiz, tetapi turut melibatkan faktor lokasi, akses, serta potensi pembangunan.

Selain itu, tanah seperti Lot 25709 di Mukim Penjom dengan keluasan 2.206 ekar masih berada dalam status “belum disewakan”, menunjukkan kekurangan minat pasaran dan kurang nilai tarikan komersial. Apabila banyak tanah wakaf tidak mampu menarik penyewa, ia memberi implikasi jelas terhadap pendapatan wakaf dan kebolehan MUIP untuk membangunkan aset tersebut menggunakan model pembiayaan sendiri. Walaupun data rasmi tidak memaparkan klasifikasi tanah sebagai “strategik” atau “tidak strategik”, hakikat bahawa banyak lot masih belum digunakan atau disewakan mencerminkan wujudnya halangan pembangunan yang ketara. Kekangan ini semakin kompleks apabila dilihat dalam konteks kemampuan kewangan MUIP. Data pengeluaran dana wakaf tahun 2024 menunjukkan bahawa sebanyak RM 5.21 juta telah diagihkan, majoritinya kepada projek-projek keagamaan dan sosial seperti pembinaan masjid, baik pulih surau, bantuan kebajikan dan pendidikan. Projek sebegini memberikan manfaat segera kepada komuniti, tetapi pada masa yang sama menunjukkan bahawa keutamaan dana wakaf banyak tertumpu kepada keperluan sosial jangka pendek, bukan pembangunan tanah berskala besar yang memerlukan pelaburan modal tinggi dan analisis kebolehlaksanaan.



Rajah 3. Peratusan status tanah wakaf MUIP sehingga 2025  
 Sumber: Portal Wakaf Pahang (2025)

Rajah 3 pula mewakili peratusan status tanah wakaf MUIP sehingga 2025. Analisis ke atas sampel data tanah wakaf MUIP menunjukkan bahawa sebahagian besar tanah wakaf berada dalam kategori belum digunakan (50%) dan belum disewakan (33.3%). Keadaan ini menggambarkan realiti bahawa sebahagian aset wakaf sukar dimajukan akibat faktor lokasi, saiz, nilai pasaran dan kesesuaian guna tanah. Hanya sebahagian kecil sahaja tanah yang telah dimanfaatkan atau disewakan (16.7%), menunjukkan tahap produktiviti aset wakaf yang masih rendah. Dapatan ini selari dengan maklumat lapangan yang diperoleh daripada informan, termasuk kenyataan bahawa tanah wakaf “tidak bernilai tinggi” dan “sukar dibangunkan” namun tetap diterima kerana faktor pemeliharaan hak milik umat. Statistik ini memperlihatkan keperluan mendesak untuk MUIP melaksanakan strategi pengurusan tanah wakaf yang lebih komprehensif termasuk pemetaan GIS, penilaian daya guna aset, dan inovasi dalam mekanisme pembiayaan pembangunan. Tanpa intervensi baharu, tanah wakaf yang tidak strategik akan terus menjadi liabiliti dan menghalang objektif wakaf dalam menjana manfaat berterusan (*manfa'ah da'imah*) kepada masyarakat serta mencapai *Maqasid Syariah* dalam penjagaan harta (*hifz al-Mal*).

Oleh itu, pertambahan aset tanah wakaf tanpa sokongan modal yang mencukupi, ditambah lagi dengan lokasi tanah yang kurang strategik, menyebabkan MUIP menghadapi kesukaran yang signifikan untuk memajukan tanah wakaf secara optimum. Ramli et al. (2024) turut mencadangkan penggunaan pendekatan *al-Takyif al-Fiqhiyy* untuk membangunkan harta tidak produktif. Cadangan Ramli et al. (2024) berkenaan penggunaan pendekatan *al-Takyif al-Fiqhiyy* menjadi semakin relevan dalam konteks ini, bagi memastikan tanah wakaf yang tidak produktif dapat ditukar atau dipindahkan manfaatnya kepada aset yang memberikan pulangan lebih baik kepada umat.

Dapatan kajian ini membuktikan bahawa MUIP telah menunjukkan inisiatif progresif dalam pengurusan wakaf dengan mengintegrasikan inovasi teknologi, pendekatan mesra pengguna dan perancangan strategik. Langkah ini selari dengan pandangan Pitchay et al. (2024) dan Mokhtar et al. (2021) yang menegaskan bahawa inovasi dan pemodenan dalam pengurusan wakaf merupakan faktor penting dalam memastikan kelangsungan manfaat kepada masyarakat. Kajian ini turut memperkukuh dapatan Hashim et al. (2021) yang menekankan bahawa penggunaan teknologi digital mampu memperluaskan kutipan wakaf tunai serta meningkatkan keterlibatan masyarakat terhadap institusi wakaf. Dalam aspek perundangan, penubuhan Enakmen Wakaf Pahang 2022 adalah suatu langkah signifikan yang menepati keperluan rangka kerja undang-undang yang lebih kukuh dan sistematik. Perkara ini disokong oleh Ibrahim dan Ab Rahman (2024) yang menyatakan bahawa pembentukan dasar dan undang-undang yang jelas dapat mengukuhkan hak milik, kawalan serta

pelaksanaan pembangunan wakaf. Langkah ini turut menyokong teori tadbir urus yang digariskan oleh Zulkifli et al. (2022b) yang menekankan keperluan struktur tadbir urus korporat yang efisien dalam menguruskan aset wakaf.

Namun demikian, kajian ini juga mengenal pasti beberapa cabaran utama yang masih membelenggu pengurusan wakaf di Pahang. Antara cabaran tersebut ialah kekurangan sumber manusia yang berkemahiran dalam bidang pengurusan wakaf, yang turut dikenal pasti dalam kajian Mustaffa et al. (2022). Tambahan pula, keterbatasan dana untuk membangunkan tanah wakaf yang tidak strategik menjadi hambatan kepada usaha pembangunan, seperti yang turut ditekankan oleh Ramli et al. (2024). Persepsi masyarakat yang kurang jelas terhadap wakaf juga menguatkan dapatan Hamid et al. (2024) yang menyatakan bahawa usaha memperkasakan kesedaran awam merupakan elemen kritikal dalam keberkesanan pelaksanaan wakaf.

Secara keseluruhannya, kajian ini telah mengenal pasti beberapa dapatan utama yang signifikan. Pertama, MUIP telah berjaya mengintegrasikan fungsi wakaf, baitulmal dan pelaburan dalam satu struktur pentadbiran yang lebih efisien. Kedua, penggunaan teknologi seperti sistem kutipan dalam talian dan pendekatan mesra pengguna dilihat mampu meningkatkan jumlah kutipan wakaf tunai. Ketiga, pelaksanaan Enakmen Wakaf Pahang 2022 menjadi asas kukuh bagi pengurusan wakaf di negeri ini. Akhir sekali, cabaran utama yang dikenal pasti melibatkan kekurangan sumber manusia, keterbatasan dana, kekangan perundangan, persepsi negatif masyarakat dan kesukaran membangunkan tanah wakaf yang tidak strategik.

Dari segi implikasi, kajian ini memberikan sumbangan penting kepada pembangunan dasar dan amalan terbaik dalam pengurusan wakaf. Penemuan ini dapat dijadikan rujukan oleh institusi-institusi wakaf negeri-negeri lain di Malaysia dalam merangka strategi pengurusan yang lebih sistematik dan inklusif. Kajian ini turut menegaskan keperluan untuk mengarusperdanakan prinsip Maqasid Syariah dalam tadbir urus wakaf, sebagaimana yang ditekankan oleh Ismail et al. (2022), bagi memastikan manfaat wakaf benar-benar sampai kepada kelompok yang memerlukan. Di samping itu, kajian ini juga menyorot perlunya pembinaan kapasiti sumber manusia dan integrasi teknologi dalam proses kutipan serta pembangunan aset wakaf sebagai pendekatan jangka panjang yang mampan.

Walaupun kajian ini memberikan dapatan yang bermakna, terdapat beberapa limitasi yang wajar diambil perhatian. Pertama, kajian ini hanya tertumpu kepada satu institusi wakaf di negeri Pahang, iaitu MUIP, yang mungkin tidak mewakili gambaran keseluruhan pengurusan wakaf di negeri-negeri lain. Kedua, bilangan informan yang ditemu bual adalah terhad dan terdiri daripada kalangan pentadbir institusi sahaja, tanpa melibatkan wakil komuniti penerima manfaat wakaf secara langsung. Ketiga, pendekatan kualitatif yang digunakan tidak menyediakan data kuantitatif yang boleh mengukur sejauh mana keberkesanan pelaksanaan strategi yang telah digariskan oleh MUIP.

Sehubungan dengan itu, kajian lanjutan dicadangkan untuk memberi tumpuan kepada beberapa aspek penting. Pertama, kajian perbandingan antara institusi wakaf di beberapa negeri berbeza dapat memberikan gambaran yang lebih luas dan mendalam tentang kepelbagaian dalam amalan tadbir urus wakaf di Malaysia. Kedua, kajian kuantitatif menggunakan soal selidik kepada pewakaf dan penerima manfaat wakaf dapat menilai tahap keberkesanan program wakaf dari sudut pandang masyarakat. Ketiga, kajian impak terhadap pelaksanaan Enakmen Wakaf Pahang 2022 juga wajar dijalankan bagi menilai kesan sebenar undang-undang ini terhadap pengurusan dan pembangunan wakaf. Keempat, kajian yang meneliti secara empirikal pelaksanaan pengurusan risiko dan tahap integrasi prinsip *Maqasid Syariah* dalam pembangunan aset wakaf di pelbagai sektor seperti pendidikan, ekonomi, kesihatan dan sosial turut diperlukan. Akhir sekali, pembangunan satu model piawai pengurusan wakaf nasional yang bersifat praktikal dan boleh digunapakai oleh semua institusi wakaf di Malaysia juga harus diberi perhatian dalam kajian pada masa hadapan.

## KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, kajian ini menekankan bahawa pengurusan wakaf yang efektif dan berkesan memerlukan komitmen institusi seperti MUIP dalam melaksanakan pendekatan strategik yang menyeluruh dan berasaskan prinsip Islam. Penggunaan teknologi, dasar perundangan yang progresif dan pendekatan tadbir urus korporat telah membuktikan keupayaan MUIP untuk memperkasa pengurusan wakaf di Pahang. Walau bagaimanapun, pelbagai cabaran masih perlu ditangani secara sistematik, termasuk dalam aspek sumber manusia, pembangunan aset tidak strategik dan persepsi masyarakat. Oleh itu, pemerkasaan kapasiti institusi wakaf, pelaksanaan pendidikan wakaf dalam kalangan masyarakat, serta penilaian keberkesanan dasar sedia ada perlu diberi penekanan. Kajian ini diharap dapat menjadi rujukan kepada penggubal dasar, pengkaji dan pengamal dalam membentuk ekosistem pengurusan wakaf yang mampan dan inklusif di Malaysia, khususnya di negeri Pahang.

## PENGHARGAAN

Pengkaji ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Bahagian Baitulmal, Wakaf dan Pelaburan, Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) atas kerjasama dan bantuan yang diberikan sepanjang kajian ini dijalankan.

## SUMBANGAN PENULIS

Semua penulis terlibat dalam merangka dan membangunkan kajian ini. Marina abu bakar mengetuai kajian, termasuk semakan literatur, metodologi dan penulisan manuskrip. Shofian ahmad dan ahmad dahlan salleh menyemak ketepatan fakta syariah serta memberi input dalam aspek fiqah dan perundangan wakaf. Mohd fairuz md salleh menyumbang dalam analisis tadbir urus dan strategi pengurusan. Nur mahirah zainudin membantu menyediakan maklumat institusi, menyelaras dokumen serta mengesahkan data berkaitan muip. pengumpulan data, analisis temu bual dan dapatan dilakukan secara bersama oleh semua penulis. Semua penulis turut meneliti, menyemak dan meluluskan manuskrip akhir. Artikel ini merupakan hasil asli penyelidikan penulis

## KONFLIK KEPENTINGAN

Pengkaji dan rakan pengkaji tidak mempunyai sebarang kepentingan atau kecenderungan peribadi kepada mana-mana pihak yang terlibat secara langsung atau tidak dalam kajian ini.

## RUJUKAN

*Al-Qur'an al-Karim.*

- Abdullah, S. R. (2020). Tadbir urus dalam pengurusan pembiayaan harta wakaf produktif di Malaysia. *Jurnal Maw'izah*, 3(1), 35-41.
- Abdullah, A. A., Mustafa, H., & Ismail, K. (2022). Penerimaan golongan elit muslim terhadap amalan wakaf pendidikan di negeri Pahang. *Jurnal Al-Sirat*, 22(1), 43-59.
- Ab Wan, W. M. A. F., Rahaman, A., Yaacob, S. E., Haron, M. S., & Ishak, S. (2021). Pengurusan risiko menurut erspektif syarak: Satu kajian tinjauan di institusi wakaf Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) terpilih. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(6), 100-113.
- Al-Ansari, J. M. (t. th). *Lisan al-Arab*. Kaherah: Dar al-Masriyah.
- Ahmad, U., Mohammad, M., Ogunbado & Ahmad F. (2015). Examining the traditional waqf-based financing method and their implications for socio-economic development. *Journal of Business and Management (IOSR-JBM)*, 17(2), 119-125.
- Ayub, M. N., Hamid, C. K., Abdullah, S. R., Yahaya, S., & Fazial, F. (2023). Kelestarian kewangan Sekolah Agama Rakyat (SAR) melalui pelaksanaan wakaf tunai: Analisis di Sek. Ren. Islam Tahfiz Integrasi (Sriti) Al-Fateh, Raub, Pahang, Malaysia. *e-Proceeding, International Muamalat Conference 2023 (I-MAC II 2023)*, 30-31 Oktober 2023, 145-150.
- Azha, L., Baharuddin, S., Salahuddin, S. S., & Afandi, M. R. (2013). The practice and management of waqf education in Malaysia. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 90, 22-30.
- Babacan, M. (2011). Economics of philanthropic institution, regulation and governance in Turkey. *Journal of Economic and Social Research*, 13(2), 61-89.
- Bakar, M. A., Ahmad, S., Salleh, A. D., & Salleh, M. F. N. (2020). Transformasi tadbir urus wakaf oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs). *Sains Insani*, 5(1), 212-224.
- Bakar, M. A., Ahmad, S., Salleh, A. D., & Md Salleh, M. F. (2020). Corporate governance in sustaining waqf funds: Case study in Pahang Islamic Religious And Malay Customs Council (MUIP). *International Journal of Psychosocial Rehabilitation*, 24(6), 6969-6996.
- Borham, A. J. (2012). *Islam di Pahang*. Kuantan: Universiti Malaysia Pahang.
- Borham, A. J. (2014). *Legasi Islam di Pahang Wadah Transformasi Jati Diri Umat Gemilang*. Syarahan Umum Profesor Universiti Malaysia Pahang, Dewan Astaka, UMP.
- Bowen, G. A. (2009). Document analysis as a qualitative research method. *Qualitative Research Journal*, 9(2), 27-40.
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77-101.
- Al-Buhuti, M. I. (1982). *Kashshaf al-Qina' 'an Matn al-Iqna'*, Jil. 4, Damsyik: Dar al-Fikr.
- Cizakca, M. (2000). *A History of Philanthropic Foundations: The Islamic World from the Seventh Century to the Present*. Istanbul: Bogazici University Press.
- Creswell, J. W. (2013). *Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing Among Five Approaches* (3rd ed.). SAGE Publications.
- Fellang, I. (2025). Pengelolaan wakaf dalam Islam. *Ash-Shahabah: Jurnal Pendidikan dan Studi Islam*, 11(1), 66-73.
- Hamid, A. S. A. (2011). *The Encyclopedia of Malaysia, 16-The Rulers of Malaysia*, Editions Didier Millet.
- Hamid, C. K., Yahaya, S., Mat Hassan, S. H., Abdullah, S. R., & Noor Zainan, N. I. (2024). Pemerkasaan strategi institusi wakaf dalam mengurangkan bebanan ekonomi masyarakat akibat Covid-19. *Global Journal Al-Thaqafah*, 193-210.

- Haron, M., Kamarudin, M. K., Fauzi, N. A., Ariff, M. M., & Zainuddin, M. Z. (2016). Cash waqf collection: Any potential factors to influence it. *International Journal of Business, Economics and Law*, 9(2), 27-33.
- Hashim, S., Maamor, S., Abd Mutalib, H., Abd Wahab, N., Zainol, Z., & Shakrani, S. (2021). Waqf utilization and governance practices: Experienced by institutional mutawalli Under State Islamic Religious Councils (SIRC). Dlm. *Handbook of Research on Islamic Social Finance and Economic Recovery After a Global Health Crisis* (pp. 167-180). IGI Global.
- Hassan, R., Abu Bakar, N. M., & Akmal Abu Bakar, N. H. (2022a). A review on governance and best practices in waqf management for sustainable development in selected Malaysian states and other countries. In *Towards a Post-Covid Global Financial System: Lessons in Social Responsibility from Islamic Finance*, 161-184.
- Hassan, R., Murat, N. A. M., Salman, S. A., & Yusoff, A. (2022b). Towards developing a shariah governance framework for waqf institutions: A case of Majlis Agama Islam Melaka. *Journal of Finance & Banking Review (JFBR)*, 7(3), 149-159.
- Hassan, S. H. M., Mustapha, R., Mahmud, M., Malkan, S. N. A., & Hassan, N. H. C. (2021). The influence of promotion and waqf knowledge toward cash waqf awareness in Pahang region. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 11(4), 1252-1260.
- Hassan, S. H. M., Ayub, M. N., Hamid, C. K., Yahaya, S., & Abdullah, S. R. (2024). Impak pelaksanaan wakaf tunai ke arah melestarikan Sekolah Agama Rakyat (SAR): Kajian di Sekolah Rendah Tahfiz Integrasi (SRITI) Al-Fateh, Raub, Pahang. *Journal of Contemporary Islamic Studies*, 10(3), 1-12.
- Ibn Abidin, M. A. (1966). *Hashiah Radd al-Mukhtar*. Jil. 4. Kaerah: Mustafa al-Bab al-Halabi.
- Ibn 'Ashur, M. (2006). *Maqasid al-Shariah al-Islamiyyah*. Amman, Jordan: Dar al-Nafa'is.
- Ibn Qudamah, A. (1968). *Al-Mughni*. Jil. 6, Mesir: Maktabah al-Qahirah.
- Ibn Rushd, A. (1995). *Bidayat al-Mujtahid wa Nihayat al-Muqtasid*. Kaerah: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibrahim, Dahlia & Ibrahim, Haslindar. (2013). Revival of the waqf properties in Malaysia. Proceeding of the 5th Islamic Economic System Conference (iECONS 2013) Sustainable Development Through the Islamic Economics System. Dianjurkan oleh Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia, Berjaya Time Square Hotel, Kuala Lumpur, 4-5 September 2013.
- Ibrahim, A. (1997). *The Malaysian Legal System*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibrahim, A., & Ab Rahman, A. (2021). Peranan ijtihad jama'i dalam pembentukan skim wakaf tunai di Malaysia. *Journal of Fatwa Management and Research*, 23(1), 53-70.
- Ibrahim, A., & Ab Rahman, A. (2024). Tadbir urus syariah bagi penyelesaian isu-isu pembangunan wakaf di Malaysia: Kajian kes di beberapa negeri terpilih. *Jurnal Syariah*, 32(1), 41-73.
- Ismail, C. Z., Muhammad, H., Noor, N. A. M., & Yahaya, S. (2022). Teori tadbir urus wakaf pendidikan di universiti awam berteraskan maqasid al syariah. *E-Journal of Islamic Thought & Understanding (E-JITU)*, 1(2022), 64-73.
- Kahf, M. (1998). Financing the development of awqaf property. Seminar on Development of Awqaf by Islamic Research and Training Institute (IRTI), Kuala Lumpur.
- Kamaruddin, M. I. H., Shafii, Z., Hanefah, M. M., Salleh, S., & Zakaria, N. (2024a). Exploring shariah audit practices in zakat and waqf institutions in Malaysia. *Journal of Islamic Accounting and Business Research*, 15(3), 402-421.
- Kamaruddin, M. I. H., Hanefah, M. M., & Masruki, R. (2024b). Challenges and prospects in waqf reporting practices in Malaysia. *Journal of Financial Reporting and Accounting*, 22(3), 752-765.
- Karim, A. A. (2014). *Hukum Kanun Pahang: Satu Analisis Serta Perbandingan dengan Hukum Kanun Melaka dan Undang-Undang Kedah*. Kuantan: Syarikat Percetakan Inderapura.
- Lincoln, Y. S., & Guba, E. G. (1985). *Naturalistic Inquiry*. SAGE Publications.
- Mahmood, R. H., Shahida, S., Hameed, L. B. M., & Mustaffha, N. (2017). Kawalan dalaman tadbir urus wakaf di Malaysia. *Asian Journal of Accounting and Governance*, 8, 49-58.
- Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP). (2025). *Portal Rasmi MUIP*. <https://muip.gov.my/>.
- Malib, M. A., Rabu, N., Ayub, M. S., & Ibrahim, K. (2024). Waqf governance: A paradigm shift towards the sustainability of waqf benefit. *Global Business & Management Research*, 16(2), 167-180.
- Al-Marghinani, B. (2000). *Al-Hidayah fi Sharh Bidayat al-Mubtadi*. Mesir: Dar al-Salam.
- Masriyah, S. (2024). Peran wakaf produktif dalam kesejahteraan masyarakat. *Jurnal Ilmiah Ekonomi Islam*, 10(1), 627-631.
- Merriam, S. B., & Tisdell, E. J. (2016). *Qualitative Research: A Guide to Design and Implementation* (4th ed.). Jossey-Bass.
- Mokhtar, M. Z., Kamarozaman, Z., & Mohamed, Z. (2021). Theoretical framework development to study Ewakaf pahang acceptance: A review of theories. *Ishlah - Jurnal Ilmu Ushuluddin, Adab dan Dakwah*, 2(2), 85-91.

- Mukmin, M. J. (2004). *Gerakan Islam di Malaysia: Kesenambungan, Respons dan Perubahan (1957-2000)*. Tesis Doktor Falsafah, Bangi: Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mursal, M., Lastina, I., Fitri, R., Yanti, N., & Wandu, J. I. (2024). Peran wakaf dalam mewujudkan kesejahteraan sosial: Perspektif dari tafsir ekonomi Islam. *El-Kahfi/ Journal of Islamic Economics*, 5(1), 103-111.
- Muslim, I. (2006). *Sahih Muslim*, Riyadh, Saudi Arabia: Darussalam.
- Mustaffa, J., Isa, M. Y. B. M., & Mohammed, Z. (2022). Governance structures: Dependability and efficiency of the waqf institutional system in Malaysia. *Journal of Economics and Business Aseanomics*, 7(2), 058-070.
- Al-Nawawi, Y. (1996). *Al-Majmu' Sharh al-Muhadhdhab*. Jil. 20, Beirut: Dar al-Fikr.
- Nazmi, L., & Juliati, Y. S. (2024). Sejarah dan perkembangan wakaf dalam Islam. *CEMERLANG: Jurnal Manajemen dan Ekonomi Bisnis*, 4(1), 268-281.
- Al-Qurtubi, Y. A. (1980). *Kitab al-Kafi fi Ahl al-Madinah al-Maliki*. Jil. 2. Riyadh: Maktabah al-Riyadh al-Hadithah.
- Palinkas, L. A., Horwitz, S. M., Green, C. A., Wisdom, J. P., Duan, N., & Hoagwood, K. (2015). Purposeful sampling for qualitative data collection and analysis in mixed method implementation research. *Administration and Policy in Mental Health and Mental Health Services Research*, 42(5), 533-544.
- Pitchay, A. A., Ramlan, N. S., Abd Jalil, M. I., & Ratnasari, R. T. (2024). Revitalizing waqf: A journey through its rise, collapse, and reform. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society (LJMS)*, 18(2), 91-106.
- Wakaf Pahang. (2025). Portal Rasmi Wakaf Pahang. <https://wakafpahang.my/>
- Ramli, A. M., Hamdan, N., & Jalil, A. (2021). Waqf model of Madinah Mawaddah waqf city: An analysis. *South Asian Review of Business and Administrative Studies (SABAS)*, 3(2), 121-130.
- Ramli, R., Halim, K. H. K., & Romli, S. (2024). Pembangunan hartanah terbiar di Malaysia menerusi wakaf berasaskan al-takyif al-fiqhiyy. *Human Sustainability Procedia*, 4(2), 54-63.
- Rashid, Z. A. N., Mazri, N. M., Rosele, M. I., & Abdullah, L. (2025). Dawabit fiqhiyyah in waqf and its application in waqf management. *Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 34(1), 1-14.
- Al-Raysuni, A. (2005). *Nazariyyat al-Maqasid 'inda al-Imam al-Shatibi*. Beirut, Lebanon: Dar ar-Risalah.
- Rosele, M. I., Rahim, R. A. A., & Ramli, M. A. (2015). Islamisasi awal di Pahang: Satu tinjauan teori. *Jurnal Kemanusiaan*, 13(1), 1-14.
- Rosele, M. I., Abd Rahim, R. A., & Ali, W. Z. K. W. (2018). Peranan sultan dalam perkembangan Islam di negeri Pahang. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 29(1), 51-77.
- Sahnun, A. Ibn S. (1994). *Al-Mudawwanah al-Kubra*. Jil. 4. Beirut, Lebanon: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Sarakhsi, M. (1989). *Al-Mabsut*. Jil.12, Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Sari, M. F., Yonesha, P., Widi, H. L., & Alfin, A. (2024). Memahami eksistensi wakaf dalam fiqh klasik dan perundang-undangan nasional. *Indonesian Research Journal on Education*, 4(4), 1594-1600.
- Saufi, M. S. A. M., Zaki, M. M. M., Haji-Othman, Y., & Sulong, J. (2023). Penerapan konsep madani dalam tatakelola pengurusan wakaf pendidikan: Kajian di Wakaf Pulau Pinang. *CIFER International Journal of Islamic Finance*, 2(1), 1-16.
- Al-Shafi'i, M. I. (2001). *Al-Umm*. Jil. 3, Mesir: Dar al-Ma'rifah.
- Al-Sharbini, M. (1933). *Mughni al-Muhtaj*. Jil. 2. Kaherah: Mustafa al-Bab al-Halabi.
- Al-Shatibi, I. (1997). *Al-Muwafaqat fi Usul al-Shariah*. Jil. 2, Beirut, Lebanon: Dar al-Ma'rifah.
- Al-Tirmidhi, M. I. (1975). *Sunan al-Tirmidhi*, Lebanon: Dar al-Gharb al-Islami.
- Usman, M., & Faruqi, M. Y. (2024). Understanding Waqf, its role and practice: A revisit. *International Research Journal of Arabic and Islamic Studies*, 4(1), 60-82.
- Yaacob, H., & Yaacob, H. (2013). Waqf history and legislation in Malaysia: A contemporary perspective. *Journal of Islamic and Human Advanced Research*, 3(6), 387-402.
- Yahaya, M., & Halimi, A. J. (1993). *Sejarah Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.
- Yusoff, S. S. M., & Zaib, M. A. F. B. M. (2024). Proper and effective of waqf share fund utilization and management: A study of Majlis Ugama Islam Pahang's wakaf Pahang. *Journal of Islamic Social Finance*, 2(2), 57-67.
- Zulkifli, N., Ismail, M. N., Osman, G., & Ambali, A. (2022a). An empirical investigation on integrated waqf governance in Malaysian waqf institutions. *Environment-Behaviour Proceedings Journal*, 7(22), 3-8.
- Zulkifli, N., Ismail, M. N., Osman, G., & Yusoff, Z. (2022b). A systematic literature review on waqf governance. *e-BANGI Journal*, 19(4), 31-42